

HADIS yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu: "Barang siapa berpuasa pada bulan Ramadan dengan sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah semata-mata, nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang terdahulu". (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari)

# 17 PESAKIT TERIMA BANTUAN MOH PRIHATIN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Mac. - Kementerian Kesihatan mengadakan lawatan ke rumah-rumah pesakit yang kurang berkemampuan bagi menyampaikan sumbangan derma, barang-barang keperluan asasi dan peralatan perubatan kepada pesakit serta keluarga yang telah dikenal pasti dan berdaftar di Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan (Medical Social Worker Services-MSWS) di keempat-empat daerah.

Pada tahun ini, seramai 17 pesakit dan keluarga yang berdaftar di bawah MSWS telah dikenal pasti bagi tujuan lawatan berkenaan.

Rombongan lawatan berkenaan dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu satu kumpulan rombongan di Daerah Brunei dan Muara (DBM), satu kumpulan rombongan di Daerah Belait, satu kumpulan rombongan di Daerah Tutong dan satu kumpulan rombongan di Daerah Temburong.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengadakan lawatan dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada pesakit yang kurang berkemampuan.

>> Muka 3

## Memupuk semangat bantu-membantu dalam kalangan masyarakat

Siaran Akhbar :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS**, Ahad, 8 Mac. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri dengan kerjasama Syarikat Darul Rahman Travel Sdn. Bhd. telah mengadakan Majlis Bantuan Golongan Asnaf dan Anak-anak Yatim, bertempat di Masjid STKRJ Lambak Kiri.

Majlis yang penuh keberkatan berkenaan diadakan bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia bagi meringankan beban golongan yang memerlukan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid STKRJ Lambak Kiri, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pengurusan Syarikat Darul Rahman Travel Sdn. Bhd., Awang Haji Ahmad Bukhari bin Haji Haji.

>> Muka 5

## Lindungi hak, keselamatan, kesejahteraan wanita

Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat,

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Mac. - Hari Wanita Antarabangsa, yang disambut pada 8 Mac setiap tahun, adalah peluang untuk mengiktiraf peranan penting serta meraikan sumbangan dan pencapaian wanita dan gadis di seluruh dunia.

Ia juga merupakan masa untuk merenung kemajuan yang telah dicapai dan mengesahkan semula komitmen bersama kita dalam memajukan pembangunan, kesejahteraan dan pemerikasaan wanita dalam semua aspek masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad menyatakan perkara itu dalam perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa (HWA) 2026.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam memperingati HWA dengan tema 'Melindungi, Mengupayakan dan Memperkasa: Kemajuan Wanita dalam Masyarakat'.

>> Muka 3

## Jadikan Al-Quran sebagai panduan hidup

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**MANGGIS / MADANG**, Sabtu, 7 Mac. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD) Kampung Manggis / Madang mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Khatam Al-Quran dan diselenggarakan dengan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim serta Majlis Doa Kesyukuran sempena siangnya pintu utama serta pintu-pintu tepi masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka

Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin, penasihat-penasihat, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid, jemaah-jemaah masjid serta anak-anak yatim dari Kampung Manggis dan Kampung Madang.

>> Muka 4



## Berita Utama



AKSB bantu golongan memerlukan

Muka 4



MEMPERKUKUH semangat berjiran dalam kalangan masyarakat

Muka 6



MEMUPUK penghayatan terhadap bacaan ayat suci Al-Quran

Muka 9



## RENCANA

KEPENTINGAN mengetahui dan memahami ilmu Qira'at

Muka 20

# Menghayati Al-Quran teras pembinaan generasi berilmu, berakhlak

Assalamualaikum  
 Warahmatullahi Wabarakatuh,  
 Bismillahir Rahmanir Rahim,  
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee  
 Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya  
 Waddeen, Wassalaamu  
 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
 Sayyidina Muhammadin,  
 Wa'ala Aalihee Wasahbiee  
 Ajma'een, Waba'du.

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapatlah kita berkumpul memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran pada malam 17 Ramadan yang penuh berkat ini. Tema sambutan pada tahun ini, 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' bertepatan dengan hasrat negara untuk terus memperkasa jati diri umat Islam melalui kitab suci Al-Quran.

Tema ini merupakan kesinambungan daripada hasrat paduka ayahanda yang menekankan Al-Quran sebagai teras kehidupan. Sebagaimana titah paduka ayahanda sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan lepas :

"Al-Quran bukan sekadar bacaan, tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal-budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran".

Bagi memastikan 'manual kehidupan' ini benar-benar dihayati, kerajaan sentiasa memperkasa inisiatif melalui pelbagai peringkat pendidikan agama kebangsaan termasuk pencapaian serantau khususnya dalam menerbitkan Tafsir 'Ilmi Ayat-ayat Kauniyyat menerusi kerjasama MABIMS. Usaha seumpamanya adalah bertujuan

melahirkan generasi penerus yang mahir membaca dan membesar dalam lingkungan adab serta kecintaan kepada kalamullah.

Oleh itu, sebagai usaha bersinambung memahami isi kandungan Al-Quran, kita dituntut untuk mendekatinya melalui *tababbur*. Pendekatan ini selaras dengan tujuan penurunan Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Shad, ayat 29 yang bermaksud :

"(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) yang mengandungi berkat, supaya mereka memikirkkan dengan teliti ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal dapat mengambil pengajaran".

Amalan *tababbur* Al-Quran membawa kepada penghayatan tiga konsep utama : Tilawah (iaitu, pembacaan yang betul dan bertajwid), Ta'lim (mempelajari dan memahami isi kandungannya) dan Tazkiyah (pengamalan ajaran Al-Quran bagi membentuk akhlak mulia serta adab dalam hubungan sesama insan).

Namun, dalam meniti arus kemodenan termasuk kemajuan teknologi digital dan pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) kini merupakan suatu kenyataan merentasi kehidupan seharian.

Dalam hal ini, kita menjunjung tinggi titah peringatan paduka ayahanda mengenainya pada Sambutan Ilal Hijrah baru-baru ini, khususnya cabaran teknologi AI yang semakin canggih sehingga boleh menyebabkan : "Kesukaran kita untuk menilai dan membezakan yang mana realiti atau yang diada-adakan".

Pada hemat saya, cabaran kepantasan maklumat dan pertembungannya menuntut kita untuk memiliki sikap yang lebih bijaksana dalam berusaha merungkai berbagai

khazanah ilmu yang tersirat. Hal ini selaras dengan sabda peringatan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi, ma'humnya :

"Sesiapa yang berkata tentang Al-Quran tanpa ilmu, maka dia telah menempah tempat duduknya di dalam api neraka".

Sehubungan dengannya, perlu diingat bahawa peranan *mufassir* atau pentafsir Al-Quran merupakan satu kedudukan yang tinggi dan mulia. Lanya menuntut penguasaan ilmu dan pematuhan kepada disiplin ilmu yang ketat sebagaimana digariskan dalam kitab-kitab 'Ulum Al-Quran.

Dengan demikian, kita perlu menyedari bahawa teknologi AI atau Artificial Intelligence hanyalah sebuah wasilah atau perantara dalam mana ianya tidak memiliki 'Basirah' atau 'mata hati' di samping tidak berpaksikan kepada disiplin ilmu yang bersanad. Kemajuan teknologi ini bagaimanapun harus dimanfaatkan dengan aplikasinya berpedunkan kepada pegangan Ahli Sunnah Waljamaah demi memelihara keselamatan akidah serta kesejahteraan ummah dan negara.

Justeru, kebijaksanaan kita menggunakan teknologi mestilah sentiasa diimbangi dengan kekuatan rohani dan integriti ilmu yang bersanad. Inilah benteng utama kita bagi melahirkan agamawan serta generasi yang bukan sahaja celik digital, malah teguh imannya dalam mendepani apa jua cabaran masa kini dan mendatang.

Akhir kalam, adalah penting dan menjadi keutamaan bagi semua pihak untuk terus bekerjasama dalam menanai peranan masing-masing ke arah memperkukuh pengalaman pembelajaran, pengajian dan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Jumaat, 6 Mac 2026 Masihi bersamaan 17 Ramadan 1447 Hijrah.

penghayatan Al-Quran melalui pendekatan *tababbur* yang sahih dan mudah. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan taufik dan kekuatan untuk kita membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan Al-Quran dengan istiqamah serta meraih syafaatnya dan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam rahmat serta perlindungan-Nya.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,  
 Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	19	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	SELASA	20	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	RABU	21	5.01	5.11	6.28	6.51	12.31	3.44	6.32	7.41
12	KHAMIS	22	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	JUMAAT	23	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	SABTU	24	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.42	6.32	7.41
15	AHAD	25	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
31 25 °C		30 25 °C		30 24 °C	
Pekan Bangar					
31 25 °C		30 25 °C		30 24 °C	
Pekan Tutong					
31 25 °C		30 25 °C		30 24 °C	
Kuala Belait					
31 25 °C		30 25 °C		30 24 °C	

Wallahualam Bissawab  
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
 www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 9 MAC 2026

### Jangan normalisasikan wanita sebagai kelas kedua

**N**EGARA Brunei Darussalam memperingati Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini dengan tema 'Melindungi, Mengupayakan dan Memperkasa : Kemajuan Wanita dalam Masyarakat'. Tema ini mencerminkan komitmen negara untuk melindungi hak, keselamatan dan kesejahteraan wanita dan gadis, di samping memperluas peluang dalam pendidikan, pembangunan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat bagi memperkukuh kesiapsiagaan mereka menghadapi masa hadapan. Pada masa yang sama, tema ini turut menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran yang menyokong kepimpinan, penyertaan serta sumbangan bermakna wanita dalam proses membuat keputusan merentasi pelbagai sektor masyarakat.

Kedudukan wanita pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan Islam dianggap rendah. Bahkan wanita hanya dilihat sebagai pelayan kepada lelaki dan tidak berhak bersuara untuk mendapatkan hak yang saksama seperti lelaki. Anggapan seperti inilah yang perlu diperbetulkan meskipun ada sesetengah orang masih mempraktikkannya sehingga kini.

Dalam Islam, peranan wanita dipandang dengan penuh penghormatan dan diiktiraf sebagai setara dengan lelaki dari segi hak dan tanggungjawab, walaupun terdapat perbezaan fungsi yang unik sesuai dengan fitrah masing-masing.

Dalam Islam juga prinsip kesetaraan termasuk hak asasi. Al-Quran menegaskan bahawa lelaki dan wanita sama-sama bertanggungjawab atas amal perbuatan mereka dan ganjaran pahala diberikan tanpa diskriminasi jantina (contohnya dalam Surah An-Nisa' dan Surah Al-Ahzab). Islam mengiktiraf wanita sebagai individu yang berperanan penting dalam keluarga, masyarakat dan ummah. Mereka diberi hak untuk menuntut ilmu, bekerja, dan menyumbang dalam bidang sosial serta politik. Walaupun lelaki dan wanita memiliki hak yang sama, Islam menekankan bahawa peranan mereka mungkin berbeza mengikut fitrah. Contohnya, lelaki dipertanggungjawabkan sebagai pemimpin keluarga, manakala wanita diberi kedudukan istimewa sebagai ibu yang mendidik generasi.

Justeru, isu wanita masih menjadi mangsa lelaki memang menyedihkan dan ia berpunca daripada beberapa faktor besar antaranya dalam norma budaya. Banyak masyarakat masih berpegang pada sistem patriarki yang menundukkan wanita, menjadikan mereka lebih mudah menjadi mangsa diskriminasi dan keganasan. Wanita sering dilihat sebagai 'lemah' atau 'bergantung pada lelaki' menyebabkan mereka kurang diberi peluang sama rata dalam pekerjaan, kepimpinan, dan pendidikan. Wanita dianggap sebagai kelas kedua yang tidak menyumbang banyak malah dianggap sebagai beban. Tanggapan seperti ini memang tidak sepatutnya berlaku apatah lagi kini kita sudah berada di era globalisasi dengan pencapaian serta kejayaan dikongsi sama.

Wanita juga boleh dianggap sebagai penyumbang kewangan dalam sesebuah rumah tangga kerana wanita masa kini lebih berkarier malah mempunyai pendapatan tinggi. Jadi peranan mereka sebagai isteri, ibu tidak dinafikan. Suara-suara sumbang yang menyatakan wanita tidak perlu belajar kerana akhirnya akan berada di dapur perlu diperbetulkan. Apa yang penting, wanita boleh mengimbangi antara pekerjaan serta kewajipan sebagai isteri dan ibu.

Justeru, dunia yang sihat adalah dunia apabila wanita dan lelaki berdiri sejajar, saling melengkapi, dan sama-sama dihargai. Kanak-kanak lelaki seharusnya juga perlu diberi pendidikan tentang kesaksamaan gender sejak kecil. Dunia akan lebih aman, saling hormat-menghormati dan saling menghargai untuk kehidupan yang lebih baik tanpa adanya diskriminasi.

- Ketua Penyunting (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت فلس سنیدیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# 17 pesakit terima bantuan MoH Prihatin

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Rombongan lawatan bagi DBM diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang melawat seramai empat pesakit.

Di Daerah Belait, rombongan lawatan diketuai oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif, yang melawat seramai empat pesakit; manakala rombongan lawatan di Daerah Tutong pula diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, yang melawat seramai tujuh pesakit.

Sementara rombongan di Daerah Temburong pula diketuai

oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, yang melawat seramai dua pesakit.

Aktiviti lawatan berkenaan yang dikenali sebagai MoH Prihatin merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang diungkuhkan oleh Kementerian Kesihatan melalui MSWS bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul daripada Tabung Amal Bantuan Pesakit, Kementerian Kesihatan yang diperolehi daripada sumbangan ikhlas warga Kementerian Kesihatan, persatuan - persatuan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Projek MoH Prihatin berkenaan



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan mengadakan lawatan dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada pesakit yang kurang berkemampuan (kiri). Manakala gambar atas, rombongan lawatan bagi DBM diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada program tersebut.

turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di Kementerian Kesihatan, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai perubatan, jururawat-jururawat, kakitangan hospital, wakil-wakil daripada Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Cardiac Society Brunei Darussalam, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS), Brunei Emergency Care Society (BECS), Kumpulan Meraih Berkah, RIPASH Doctors' Mess dan Keaja Association serta sumbangan daripada pihak swasta, iaitu Medetech Sdn. Bhd., Syarikat Wira Juta Sdn. Bhd., Syarikat Misti Jaya Sdn. Bhd., Sweat BN, Dynamik Technologies, Evyd Sdn. Bhd., Jac Marketing & Services, Bit Bot

Technologies, United Pharma, Bio Ventures Company, Medicorp Sdn. Bhd. dan juga sumbangan

persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



## LINDUNGI HAK, KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN WANITA

**Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

>> Muka 1

Tema ini, jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, mencerminkan komitmen negara untuk melindungi hak, keselamatan dan kesejahteraan wanita dan gadis, di samping memperluas peluang dalam pendidikan, pembangunan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat bagi memperkukuh kesiapsiagaan mereka menghadapi masa hadapan.

Pada masa yang sama, tema ini turut menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran yang menyokong kepimpinan, penyertaan serta sumbangan bermakna wanita dalam proses membuat keputusan merentasi pelbagai sektor masyarakat.

Tema ini dipilih selaras dengan keutamaan strategik yang dikenal pasti melalui Penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana Ringkasan Eksekutif kajian ini akan diterbitkan pada 12 Mac 2026, bersempena dengan Sambutan HWA.

Keutamaan strategik ini tambah Yang Berhormat, yang akan menjadi teras utama Pelan Tindakan Wanita, mengukuhkan komitmen negara secara holistik dengan menekankan kepentingan melindungi keselamatan dan kesejahteraan

wanita, mengoptimalkan potensi kerja wanita dan peluang pembangunan kerjaya; dan memacu pemeraksanaan wanita dalam kalangan keluarga dan komuniti.

Yang Berhormat juga menambah kemajuan yang dicapai oleh wanita di NBD hari ini mencerminkan pelaburan berterusan negara dalam pendidikan, pembangunan modal insan dan peluang yang saksama.

Menurut Gender Statistics 2024 of Brunei Darussalam, wanita merangkumi 47.2 peratus daripada jumlah penduduk, dan menunjukkan pencapaian pendidikan yang tinggi, dengan kadar literasi mencapai 96.1 peratus dalam kalangan mereka yang berumur 10 tahun ke atas.

Penyertaan kukuh wanita dalam pendidikan, ujar Yang Berhormat, dari peringkat menengah hingga ke peringkat tinggi, terus memantapkan lagi tenaga kerja masa depan dan saluran kepimpinan negara.

Penyertaan mereka yang semakin meningkat dalam pasaran buruh juga dicerminkan dalam peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita berumur 18 tahun ke atas, daripada 57.3 peratus pada tahun 2023 kepada 57.8 peratus pada tahun 2024.

Dalam sektor pendidikan, wanita membentuk sebahagian besar tenaga pengajar, terutamanya di peringkat pra dan rendah, yang menonjolkan peranan penting mereka dalam memupuk dan membentuk generasi akan datang.

Pencapaian ini jelas Yang Berhormat juga menyumbang secara langsung kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035, untuk menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang diiktiraf melalui pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang tinggi, serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Oleh itu, kemajuan wanita yang berterusan dalam pendidikan, tenaga kerja dan kepimpinan komuniti memainkan peranan penting dalam memperkukuh modal insan negara dan menyokong pembangunan jangka panjang NBD.

Menurut Yang Berhormat, NBD juga terus memperkukuh respons dasar dan institusinya dalam menyokong pembangunan dan perlindungan wanita.

Pada Julai 2025, dua Konsultasi Kebangsaan mengenai ASEAN Regional Plan of Action on the Elimination of Violence Against Women (RPA on EVAW) telah diadakan, melibatkan wakil daripada pelbagai agensi penguatkuasaan, kesihatan, institusi agama,

pendidikan dan organisasi masyarakat sivil.

Konsultasi tersebut menyemak kemajuan nasional dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan, termasuk prosedur antara agensi, penyelarasan data, kapasiti rumah perlindungan dan sistem pengurusan kes.

Selain itu, pada November 2025, NBD melalui Jabatan Perdana Menteri juga telah melancarkan Buku Garis Panduan Menangani Gangguan di Tempat Kerja dalam Perkhidmatan Awam di NBD.

Usaha - usaha ini terangnya, mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memperkukuh mekanisme perlindungan serta memajukan kesejahteraan dan pemeraksanaan wanita.

Organisasi masyarakat sivil juga jelas Yang Berhormat lagi, memainkan peranan penting dalam melengkapkan usaha nasional melalui inisiatif pencegahan dan perkhidmatan sokongan bagi mangsa.

Antara inisiatif tersebut termasuklah Roundtable Discussions on Building Safer Digital Spaces to Prevent Online Gender Based Violence dianjurkan oleh Project Women Brunei pada Mac 2025 bagi memperkukuh kesedaran dan menggalakkan tindak balas bersepadu terhadap penderaan

dalam talian.

Youth Protection Series 9.0: 'Safe Homes, Safe Hearts - Stand Against Sexual Harassment', yang dianjurkan oleh Syababul Iman pada November 2025 bagi meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan gangguan seksual serta menggalakkan kewaspadaan dalam kalangan masyarakat.

'Mental Health Ambassador initiatives' dan art therapy workshops, dilaksanakan oleh Self Care Support Network sepanjang tahun 2025 bagi mempertingkatkan sokongan psikososial serta menggalakkan sikap untuk mendapatkan bantuan.

Women's empowerment dan family resilience programmes, dijalankan oleh Persatuan MAWAR pada tahun 2025 bagi memperkukuh kesedaran mengenai hak-hak wanita serta mekanisme perlindungan yang tersedia dalam masyarakat.

Sebagai penutup, Yang Berhormat turut menzahirkan ucapan Selamat HWA kepada semua wanita di NBD.

Semoga para wanita terus melangkah maju dengan penuh keyakinan dan ketabahan serta menyumbangkan bakat, kepimpinan dan dedikasi mereka dalam memperkukuh institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Marilah kita sama-sama terus membina sebuah masyarakat di mana setiap wanita dilindungi, diberi peluang untuk merealisasikan potensi sepenuhnya, dan diperkasa untuk memainkan peranan yang bermakna dalam membentuk masa depan NBD.

# AKSB BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 8 Mac. - Alumni Penuntut-penuntut Asrama Kerajaan Brunei di Singapura (AKSB) pagi tadi telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim dan anak-anak daripada golongan keluarga daif yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, serta salah seorang Alumni AKSB, Dato Seri Setia Awang Haji Yusof bin Haji Ismail selaku tetamu-tetamu kehormat.

Pada majlis berkenaan, seramai 68 anak yatim dan 33 anak daripada keluarga daif telah menerima sumbangan yang diharapkan akan dapat membantu meringankan beban mereka, khususnya dalam membuat persiapan pada bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta salah seorang Alumni AKSB, Dato Seri Setia Awang Haji Yusof bin Haji Ismail selaku tetamu-tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim dan anak-anak daripada golongan keluarga daif yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Lazim bin Haji Metali, Alumni AKSB 1966, yang seterusnya memimpin bacaan tahlil.

Penganjuran majlis tahunan berkenaan merupakan antara usaha kebajikan yang berterusan oleh Alumni AKSB dalam menunaikan tanggungjawab sosial bagi membantu golongan yang memerlukan, khususnya

anak-anak yatim dan keluarga kurang berkemampuan.

Selain itu, majlis berkenaan juga menjadi platform bagi menghimpunkan semula para alumni pelajar-pelajar AKSB yang suatu ketika dahulu pernah menuntut ilmu bersama di Republik Singapura, sekali gus mengeratkan lagi silaturahim dan semangat kekeluargaan dalam kalangan mereka.

**TAHUKAH AWDA?**

**APA ITU TENAGA SURIA?**

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

**TAHUKAH AWDA?**

Dengan sistem atas grid, sebarang lebih tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

[www.energy.gov.bn](http://www.energy.gov.bn) | [renewable.energy@energy.gov.bn](mailto:renewable.energy@energy.gov.bn) | + 675 2384488 ext 3271



## Jadikan Al-Quran sebagai panduan hidup

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, dan diteruskan dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri.

Ceramah berkenaan antara lain menyentuh mengenai kepentingan menghayati peristiwa Nuzul Al-Quran sebagai titik permulaan penurunan wahyu kepada Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta peranan umat Islam dalam menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang didahului oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh para peserta khatam serta bacaan Takhtim dan Tahlil.

Bacaan Tahlil pada majlis berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 18 anak yatim (atas dan kiri).

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Bacaan Doa Khatam pula dipimpin oleh Pegawai Masjid, Awang Razman bin Haji Ramlee, diikuti dengan Dikir Marhaban.

Majlis kemudian disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis turut menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada seramai

18 anak yatim yang terdiri daripada penduduk Kampung Manggis dan Kampung Madang.

Majlis diakhiri dengan berbuka puasa serta Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Penganjuran majlis berkenaan diharap dapat memperkukuh lagi penghayatan terhadap Al-Quran dalam kalangan masyarakat di samping menyemarakkan aktiviti keagamaan di masjid serta memupuk semangat kebersamaan dan kepedulian terhadap golongan yang memerlukan.

# MEMUPUK SEMANGAT BANTU-MEMBANTU DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bantuan Golongan Asnaf dan Anak-anak Yatim, bertempat di Masjid STKRJ Lambak Kiri dan seterusnya menyampaikan sumbangan (atas dan kanan).

>> Muka 1

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian bantuan berupa wang dan keperluan asasi kepada sembilan anak yatim dan 20 orang daripada golongan asnaf yang terpilih.

Diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu

kehormat majlis, jemputan khas dan imam-imam masjid sebagai tanda terima kasih atas sokongan yang diberikan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala amal kebajikan yang

dilaksanakan.

Majlis berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan pihak masjid dan sektor swasta dalam memperkukuh tanggungjawab sosial serta memupuk semangat bantu-membantu dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.



**JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)**

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

## Majlis Khatam Al-Quran Masjid Kampung Pelambayan



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok hadir pada Majlis Khatam Al-Quran.

**KAMPUNG PELAMBAYAN**, Ahad, 8 Mac. - Pihak Masjid Kampung Pelambayan sangat terharu atas penyertaan peserta Tadarus Al-Quran bagi Ramadan sesi 1447 Hijrah bagi masjid tersebut telah menunjukkan peningkatan dari segi penyertaan seramai 150 peserta pada tahun ini.

Justeru, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid menzahirkan penghargaan kepada para peserta terutama sekali

majoritinya golongan belia yang tidak serik hadir bertadarus setiap malam sejak dari malam pertama Ramadan lagi bagi mengimarahkan lagi masjid dengan bacaan ayat suci Al-Quran.

Ketua Imam Masjid, Awang Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Puteh berkata bahawa dengan adanya intensif yang dikurniakan ini, sedikit sebanyak dapat membangkit semangat para peserta untuk

mendekatkan diri dengan Al-Quran dan galakan bagi mereka untuk terus berdamping dengan kitab suci Allah itu.

Apa yang utama, katanya, *nawaitu* (niat) hendaklah betul demi mengharapkan ganjaran pahala terutama sekali di bulan suci Ramadan ini lebih-lebih lagi amalan pembacaan Al-Quran diperbanyakkan terutama pada 10 malam terakhir Ramadan ini.

Beliau seterusnya berharap agar jumlah penyertaan ini akan meningkat pada masa akan datang dalam melahirkan para belia cintakan Al-Quran sekali gus memperkukuh negara kita yang berlandaskan Al-Quran bagi menjalani hidupan sehari.

Majlis Khatam Al-Quran meraihan peserta bagi masjid itu terdiri daripada 75 lelaki dan 75 perempuan dikumiakan saguhati dan disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Setelah itu, para peserta meneruskan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha dan diikuti dengan bacaan Takhtim diketuai oleh Awang Md. Hafizul Ridhwan Sofian bin Abdullah yang kemudiannya memimpin Doa Selamat.

Manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Md. Saleh bin Haji Abd. Rahman yang juga memimpin bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Majlis juga disemarakkan dengan Dikir Marhaban dan kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan selanjutnya acara bersungkaik bersama-sama.



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat semasa menyerahkan sumbangan kepada penerima.

## Kongsi rezeki, kebahagiaan bersama anak yatim

**Oleh :** Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
**Foto :** Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TANJONG BUNUT**, Ahad, 8 Mac. - Dalam sama-sama berkongsi rezeki dan berbagi kebahagiaan di bulan suci Ramadan ini, seramai 217 orang anak-anak yatim

dari 10 buah kampung dalam Mukim Sengkurong menerima sumbangan derma dalam satu Majlis Penyampaian Derma yang diadakan di Restoran Tiong Jaya,

Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas, di sini.

Anak-anak yatim yang menerima sumbangan tersebut adalah dari Kampung Sengkurong 'A', Kampung Sengkurong 'B', Kampung Jerudong 'A', Kampung Jerudong 'B', Kampung Selayun / Tagap, Kampung Mulaut, Kampung Tanjong Nangka, Kampung Katimahar, Kampung Lugu dan Kampung Kulapis.

Sumbangan derma bagi anak-anak yatim berkenaan disumbangkan oleh Pengarah Syarikat Arzwanina Sendirian Berhad, Awang Haji Jabar Sadiq, yang mana beliau sebelum ini turut menyalurkan sumbangan kepada anak-anak yatim di Mukim Sengkurong dari tahun 2020 hingga 2025 dalam bentuk wang tunai dan hamper atas nama syarikatnya.

Sempena bulan Ramadan serta

memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, beliau sekali lagi berbesar hati menghulurkan bantuan kepada golongan anak yatim di mukim tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Mohamed, Ketua Kampung Putat. Juga hadir selaku tetamu khas ialah Pengarah Urusan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Awang Shamir bin Salahudin.

Acara kemuncak majlis ialah penyerahan derma kepada anak-anak yatim Mukim Sengkurong yang disempurnakan bersama oleh Yang Berhormat Awang Zainol dan Awang Haji Jabar Sadiq.

Acara juga diselajurkan dengan membaca Tahlil dan Doa

Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, Awang Haji Manan bin Haji Osman. Majlis diakhiri dengan berbuka puasa dengan jamuan disediakan oleh dermawan berkenaan.

Majlis berkenaan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' yang dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail, dengan kerjasama Ahli-ahli MPK kampung tersebut.

Penganjuran majlis tersebut bertujuan untuk berkongsi kegembiraan Ramadan dengan memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan golongan yang memerlukan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk ukhuwah dalam kalangan masyarakat Islam.

# Memperkukuh semangat berjiran dalam kalangan masyarakat

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami



**TUTONG**, Sabtu, 7 Mac. – Sebagai tanda keprihatinan dan sokongan kepada penduduk kampung yang terjejas, di samping mengeratkan lagi silaturahmi serta semangat kerjasama antara pemimpin masyarakat dan penduduk kampung dalam menghadapi sebarang cabaran atau musibah yang berlaku di kawasan mereka, Majlis Penyerahan Derma bagi bantuan mangsa tanah susur di Kampung Ukong dan Kampung Bukit Udal telah diadakan di Dewan Serbaguna Pakatan Sang Jati Dusun (PSJD), Kampung Bukit Udal, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, yang seterusnya

menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima yang terjejas akibat kejadian tanah susur.

Seramai 10 penerima telah menerima sumbangan berkenaan, yang terdiri daripada tujuh orang penduduk Kampung Ukong, manakala tiga orang penduduk dari Kampung Bukit Udal.

Sumbangan berkenaan diharap dapat membantu meringankan beban para penerima dalam menghadapi kesan kejadian tanah susur yang menjejaskan kediaman serta kehidupan harian mereka.

Yang Dipertua PSJD, Awang Johan bin Benson dalam ucapannya antaranya merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat majlis yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada para penerima yang terjejas akibat kejadian tanah susur (atas dan atas kiri).

kerjasama dalam menjayakan usaha murni berkenaan.

Jelasnya, sesungguhnya sumbangan yang dihulurkan pada hari ini bukan sahaja memberi bantuan dari segi kebajikan, malah mencerminkan semangat keprihatinan, kemasyarakatan dan nilai gotong-royong yang masih kukuh dalam kalangan masyarakat kita.

"Majlis pada hari ini amat bermakna kerana ia memperlihatkan kesungguhan kita untuk membantu dan meringankan beban masyarakat, khususnya kepada mereka yang memerlukan. Bantuan dan derma tanah susur yang disampaikan ini diharapkan dapat memberi manfaat serta

sedikit kelegaan kepada para penerima.

"Sebagai sebuah organisasi masyarakat yang mewakili komuniti Dusun, PSJD sentiasa berusaha untuk memupuk semangat bermasyarakat dan saling membantu antara satu sama lain. Nilai tolong-menolong ini adalah warisan budaya yang sangat berharga dalam masyarakat kita.

"Oleh itu, usaha seperti ini bukan sahaja mengeratkan silaturahmi, malah memperkukuh lagi semangat berjiran dalam kalangan masyarakat di kedua-dua kampung ini," ujarnya lagi.

Turut menyampaikan ucapan masing - masing pada majlis berkenaan ialah Ketua Kampung

Bukit Udal dan Penapar, Awang Haji Masri bin Haji Abdullah; dan Ketua Kampung Ukong, Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar.

Antara yang turut hadir, Penghulu Mukim Tanjong Maya, Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PSJD, Ahli-ahli PSJD, Ahli Jawatankuasa Kerja Bantuan Mangsa Tanah Susur, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal dan Penapar, MPK Ukong dan para penyumbang serta para penduduk kampung di kawasan sekitarnya yang sama-sama memberikan sokongan dan semangat kepada keluarga-keluarga yang terjejas.

## MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 101 PESERTA



**NAIB** Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Sementara gambar kanan dan bawah kiri, antara yang hadir menyertai majlis tersebut.

**TUNGKU**, Sabtu, 7 Mac. - Al-Quran mengandungi 30 juz, 114 surah, 6,236 ayat dan 77,845 kata, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rujukan, panduan dan pedoman bagi setiap umat hingga hari ini.

Adalah menjadi satu kelaziman apabila telah selesai menghabiskan 30 juz bacaan Al-Quran, acara Khatam Al-Quran akan turut diadakan sebagai tanda penghargaan bagi merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapat mengkhatamkan Al-Quran.

Sehubungan itu, seramai 101 orang iaitu 41 peserta lelaki dan 60 perempuan yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Muslimah Masjid Universiti, UBD, jemaah lelaki dan perempuan Masjid Universiti, UBD diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Bacaan Tadarus Al-Quran terdahulu telah diadakan pada



setiap malam dimulai pada malam pertama Ramadan dan menamatkan bacaan pada malam 15 Ramadan.

Majlis Khatam Al-Quran ini juga turut diselenggarakan dengan acara 'Tadabbur Al-Quran: Dibaca, Difahami dan Diamalkan, Mengubah Kehidupan' sempena Nuzul Al-Quran yang disampaikan oleh penceramah undangan, Dr. Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Majlis juga dihadiri oleh penghulu, ketua-ketua/pemangku ketua kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba Kawasan 1-6.

Melalui majlis ini juga dihasrat dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan mengimarahkan masjid dalam kehidupan terutama

sekali di dalam bulan Ramadan yang penuh rahmat dan mulia ini.

Dengan mengimarahkan dan menghidupkan lagi masjid pada malam-malam di bulan Ramadan dengan mengamalkan membaca Al-Quran juga dapat menyedarkan masyarakat terhadap kewajipan dan tanggungjawab mengamalkan nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Selain itu, ia juga diharap dapat melatih masyarakat untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran dengan baik di samping memberi pendedahan akan kepentingan menguasai serba sedikit ilmu tajwid.

Semoga majlis seumpama ini dapat menjadi perintis dalam melahirkan masyarakat yang berterusan dalam pengamalan amalan seperti yang dihasratkan.

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



# 12 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN KASIH AIDILFITRI MPM SERASA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**PENASIHAT MPM, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah semasa hadir pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir menerima sumbangan.**

**MUKIM SERASA, Ahad, 8 Mac.** - Ramadan membuka peluang kepada umat Islam untuk lebih meraih keberkahan dalam berbagi rezeki kepada mereka yang memerlukan.

Demi mengharapkan ganjaran

pahala berlipat ganda di bulan suci lagi mulia ini, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa, hari ini, menyelenggarakan pengagihan Sumbangan Kasih Aidilfitri dan diberikan ke rumah-rumah kepada 12 keluarga penerima yang tinggal

di bawah tadahan mukim berkenaan.

Penyampaian sumbangan ke rumah-rumah penerima berkenaan disempurnakan oleh Penasihat MPM, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah serta Ketua-ketua Biro MPM tersebut.

Terdahulu sebelum itu, agihan sumbangan juga diadakan di kediaman Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan dan diserahkan oleh Pengiran Datin Nuur Izzah Nabilah binti Pengiran Haji Ahmad Mahdi Al-Sufri.

Rombongan sejeurus itu bergerak ke kediaman para penerima di kampung-kampung di bawah mukim iaitu sebanyak enam buah kampung antaranya Kampung Perpindahan Serasa, Kampung Serasa, Kampung Kapok, Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang 1 dan 2 serta Kampung Masjid Lama.

Adapun para penerima sumbangan terdiri daripada anak yatim, OKU, ibu tunggal, warga emas dan mereka yang kurang upaya dari segi kesihatan fizikal. Selesai pengagihan itu, majlis diteruskan dengan tahlil dan doa selamat diikuti menikmati juadah sungkai di kediaman Penghulu Mukim Serasa.

Pihak MPM berharap dengan adanya sumbangan seumpama ini akan dapat meringankan beban para penerima lebih-lebih lagi bantuan berbagi rezeki ini akan memberikan mereka senyum kegembiraan dalam menjalani kehidupan harian dan lebaran Aidilfitri yang bakal tiba nanti.



## Bantu ringankan beban golongan memerlukan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi



**SERDANG, Sabtu, 7 Mac.** - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan keberkatan, yang di dalamnya turun Al-Quran. Bulan di mana Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rahmat, memberikan keampunan dan menjanjikan jaminan pembebasan daripada api neraka.

Pada bulan ini juga, Allah Subhanahu Wata'ala membelenggu pergerakan syaitan, menutup pintu neraka, membuka seluas-luas pintu syurga. Di samping itu, dilipatgandakan balasan pahala ke atas segala

amal ibadah yang dikerjakan sehingga ribuan kali ganda.

Bagi meraih keberkatan dan sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan yang mulia, Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang hari ini menganjurkan Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin bersempena dengan Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah



**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin bersempena dengan Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan kiri).**

Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Pegawai Pemantau Zon 4 Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Md. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar; dan Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Takhtim Al-Quran beramai-ramai

oleh para peserta khatam.

Manakala, bacaan Doa Khatam dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Haji Muhd. Syariff Waliyudin bin Jemain. Sementara bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darusalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Khairul Azmy bin Haji Bakar.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada seramai 13 anak yatim dan 21 orang golongan asnaf yang terdiri daripada penduduk Kampung

Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan.

Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin berkenaan adalah aktiviti takmir tahunan Masjid Serdang sempena bulan Ramadan bagi menghidupkan dan menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia ini, di samping membantu meringankan beban golongan yang memerlukan khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri.

## Kebajikan anak yatim terus diberi perhatian

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lambak 'A'

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac.** - Majlis Perundingan Kampung Lambak 'A' dan Terunjing Baru baru-baru ini mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim bagi Kampung Lambak 'A' dan Terunjing Baru sempena Bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan sumbangan kepada seramai sembilan orang anak yatim ialah Penghulu

Mukim Berakas 'A', Pengiran Aminur Aminuddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh.

Majlis berlangsung di kediaman Pemangku Ketua Kampung Lambak 'A' dan Terunjing Baru.

**SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim bagi Kampung Lambak 'A'.**



# 90 ORANG TERIMA SUMBANGAN DERMA



**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**KILANAS**, Sabtu, 7 Mac. - Seramai 90 orang penerima terdiri daripada anak-anak yatim, ibu tunggal dan golongan yang kurang berkemampuan yang terpilih dari Kampung Kilanas telah menerima sumbangan pek makanan disumbangkan oleh The Teeyem Groups of Company dan Pengasasnya, Al Haj TM Badarudeen bin Mohammed Ismail.

Pengagihan sumbangan tersebut merupakan zakat tahunan yang kini telah memasuki edisinya yang ke-18 tahun.

Pengagihan sumbangan telah diadakan pagi tadi di kawasan letak kereta TM Majeed Supermarket di Kampung Kilanas.

Hadir menyampaikan sumbangan ialah Pengurus Besar TM Majeed Supermarket, Ferose Khan Abdul Raooth dan Pengurus

Korporat Teeyem Group, Ali Akbar Abdul Latif dan Anwar Ali Mohammed Yussuf.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohamed Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Kilanas, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marjuki.

Pada majlis tersebut setiap penerima menerima sumbangan



**HADIR** pada majlis tersebut ialah Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohamed Ameerolbahrynee bin Haji Abdul Hamid (atas dan kiri).

yang bernilai BND66 setiap seorang yang terdiri daripada satu pek guni beras, satu tin roti biskut, minyak masak, makanan dalam tin dan beberapa barangan keperluan harian yang lain.

Sumbangan tahunan tersebut bertujuan untuk meringankan beban yang dihadapi oleh keluarga yang kurang berkemampuan, ibu

tunggal dan anak-anak yatim dalam persiapan mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Usaha berkeabajikan ini juga merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab korporat sosial syarikat tersebut yang mana pada tahun ini meraikan ulang tahun penubuhannya ke-50 tahun.

## Tempahan kek, biskut menjelang Hari Raya

**Oleh : Marlinawaty Hussin**  
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**



**TEMPAHAN** biskut dan kuih raya dalam kalangan masyarakat umumnya akan meningkat menjelang sambutan Aidilfitri yang menunjukkan semangat umat Islam di negara ini dalam membuat persiapan awal bagi menyambut perayaan itu bersama keluarga dan sanak saudara (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Mac. - Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama lagi, umat Islam kini mula membuat pelbagai

persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal.

Antara persiapan yang sering diberi perhatian ialah pakaian dan aksesori; menghias rumah serta

menyediakan pelbagai jenis biskut dan kek untuk dihidangkan kepada ahli keluarga dan tetamu yang akan berkunjung ke rumah nanti.

Tempahan biskut dan kuih raya dalam kalangan masyarakat umumnya akan meningkat menjelang sambutan Aidilfitri yang menunjukkan semangat umat Islam di negara ini dalam membuat persiapan awal bagi menyambut perayaan itu bersama keluarga dan sanak saudara.

Pelbagai jenis biskut tradisional dan moden mula mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai termasuk tart nanas, biskut suji, almond London, biskut cornflakes dan pelbagai jenis biskut coklat.

Selain biskut, tempahan kek seperti kek keju, kek tapak kuda serta kek lapis juga mendapat permintaan yang tinggi dan menjadi antara pilihan utama pelanggan untuk dihidangkan kepada tetamu.

Orang ramai selalunya akan membuat tempahan lebih awal bagi memastikan mereka tidak terlepas mendapatkan biskut dan kek pilihan masing-masing.

Tempahan awal juga membantu pelanggan merancang persiapan raya dengan lebih teratur serta mengelakkan kesibukan pada saat-saat akhir sebelum perayaan.

Dalam masa yang sama, kemudahan teknologi dan penggunaan media sosial turut memudahkan proses tempahan.

Ramai pelanggan kini memilih untuk membuat tempahan secara dalam talian melalui platform seperti Instagram, Facebook dan aplikasi pesanan segera.

Kaedah ini bukan sahaja menjimatkan masa, tetapi juga memberi peluang kepada pelanggan untuk melihat pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pengusaha biskut dan kek.

Ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada pengusaha bakeri tempatan serta usahawan kecil yang menjalankan perniagaan dari rumah.

Permintaan yang meningkat



## Penyalan lampu ungu sempena Sambutan HWA 2026

**Oleh : Srinawatie Bidzah**  
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**


**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) turut menyemarakkan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (HWA) 2026 yang diraikan pada 8 Mac setiap tahun dengan menyalakan lampu berwarna ungu di beberapa mercu tanda utama di negara ini.

Lokasi-lokasi yang terlibat dalam inisiatif berkenaan termasuklah Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS), Bangunan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyalan lampu telah berlangsung selama dua malam, iaitu 7 hingga 8 Mac 2026 dari jam 7.00 malam.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk memperingati sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang, tetapi juga sebagai tanda sokongan kepada usaha memperkasa peranan wanita dalam masyarakat.

Warna ungu dipilih sebagai warna tema rasmi Sambutan HWA, sejajar dengan amalan yang turut dilakukan di peringkat antarabangsa. Warna berkenaan melambangkan keadilan, martabat dan perpaduan dalam memperjuangkan hak serta kepentingan wanita.



**WARNA** ungu dipilih sebagai warna tema rasmi Sambutan Hari Wanita Antarabangsa bagi memperingati sumbangan dan pencapaian wanita dalam pelbagai bidang tetapi juga sebagai tanda sokongan kepada usaha memperkasa peranan wanita dalam masyarakat.

setiap kali menjelang musim perayaan membuka peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan tambahan di samping memperluaskan pasaran produk masing-masing.

Walaupun permintaan tinggi, para pengusaha perlu memberi perhatian terhadap kualiti produk bagi memastikan biskut dan kek yang dihasilkan memenuhi cita rasa pelanggan.

Faktor seperti penggunaan bahan berkualiti, rasa yang konsisten serta pembungkusan yang menarik menjadi antara aspek penting dalam menarik

minat pembeli.

Di samping itu, pembungkusan yang kemas dan menarik juga menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi pilihan pelanggan.

Tempahan biskut dan kek raya menjelang Aidilfitri mencerminkan budaya masyarakat di negara ini dalam mengekalkan tradisi menyediakan hidangan istimewa untuk tetamu.

Tradisi tersebut bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim, malahan turut menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri setiap tahun.

# MEMUPUK PENGHAYATAN TERHADAP BACAAN AYAT SUCI AL-QURAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PEGAWAI** Tugas-Tugas Khas, Jabatan Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya semasa menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima (kanan). Manakala gambar atas, sesi *tadabbur* Surah Al-'Asr yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Abdul Rahman bin Ajak.

**TUTONG**, Sabtu, 7 Mac. - Acara #Quranhour dan penyampaian sumbangan kepada keluarga kurang berkemampuan telah diadakan di Masjid Kampung Telisai, di sini, anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Telisai dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Telisai serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) Danau, Telisai, Kampung Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang Kawasan 1, 2, 3 dan 4.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Jabatan Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima.

Pada majlis berkenaan,

sumbangan telah disampaikan kepada lima buah keluarga dalam kalangan penduduk Mukim Telisai yang kurang berkemampuan sebagai tanda keprihatinan serta usaha untuk membantu meringankan beban mereka.

Sumbangan berkenaan adalah daripada MPM Telisai dan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, kluster 5.

Majlis berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dan Surah Al-'Asr secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Telisai, Awang Hazwan Hamizan bin Haminuddin.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi *tadabbur* Surah Al-'Asr yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Abdul Rahman bin Ajak.

Beliau antara lain menjelaskan, *tadabbur* Surah Al-'Asr, surah pendek, menurut Imam Syafiee, surah yang jika di *tadabbur* adalah mencukupi walaupun dengan hanya tiga ayat.

Dalam pada itu, penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk menggalakkan para Ahli MPM dan MPK serta penduduk kampung dan mukim agar sentiasa melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan dan kebajikan.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk memupuk penghayatan terhadap bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bagi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala serta memahami kandungan dan pengajarannya.

Majlis seumpama berkenaan



juga diharap dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran dalam kehidupan seharian dan tidak hanya tertumpu pada bulan Ramadan, di samping mengeratkan perpaduan serta memperkukuh silaturahim dalam kalangan penduduk mukim dan kampung.

Turut hadir pada majlis

berkenaan, Ahli-ahli MPM Telisai, Ahli-ahli MPK, AJK Takmir Masjid Kampung Telisai serta para penduduk kampung dan mukim yang sama-sama memeriahkan acara berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa bagi memohon keberkatan serta kesejahteraan kepada semua yang hadir.

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

## Selamatkan Usus Awda.

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESEHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA  
Sumbangkan Usus Awda

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## Majlis Khatam Al-Quran, penyampaian derma di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha



**PENGHULU** Mukim Gadong 'A', Awang Haji Adanan bin Haji Bagol hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan derma kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar kanan, sekitar majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**RIMBA**, Sabtu, 7 Mac. - Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim sempena Bulan Ramadan,

bertempat di ruang sembahyang, masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Haji Adanan bin Haji Bagol.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang



dipimpin oleh Penghulu Mukim Gadong 'A', diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuhaa sehingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam.

Sejurus itu, acara diteruskan lagi dengan bacaan Doa Khatam dan

Takhtim, serta bacaan Dikir Marhaban.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan panyampaian derma kepada seramai 28 orang anak-anak yatim yang disempurnakan oleh Penghulu

Mukim Gadong 'A'.

Juga hadir dan seterusnya ikut menyumbangkan derma kepada anak-anak yatim ialah wakil-wakil daripada Syarikat Samima, Syarikat Sifana dan Syarikat Green Mart.

# SENTIASA KONSISTEN MENGHAFAZ, MENGULANG AL-QURAN

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



**JOHAN Kategori 'A', Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri dan johan Kategori 'B', Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap (kiri sekali dan kiri).**

bersyukur serta tidak menyangka dengan keputusan berkenaan dan mengangapnya sebagai satu pengalaman yang sangat bermakna serta nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya, kemenangan berkenaan juga menjadi pendorong untuknya terus memperbaiki diri pada masa akan datang, terutamanya dalam bidang Al-Quran.

Pada pendapatnya, kunci utama adalah usaha yang berterusan, latihan yang konsisten serta doa dan sokongan daripada ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan di samping berusaha untuk melazimi bacaan dan menghafaz kalam Allah Subhanahu Wata'ala serta memperbaiki bacaan dengan bimbingan guru-guru Al-Quran sepanjang penyertaan dalam pertandingan berkenaan.

"Saya membuat persediaan hampir sebulan sebelum pertandingan diadakan dengan menjalani latihan secara berterusan.

"Ini merupakan penyertaan kali ketiga bagi saya dan setiap penyertaan memberi pengalaman yang sangat berharga serta banyak pengajaran untuk sentiasa terus memperbaiki bacaan Al-Quran," ujarnya.

Dayang Ainaa Zunah Insyirah juga berharap untuk terus mendalami dan sentiasa berdamping dengan Al-Quran yang menjadi cahaya dalam kehidupan

dan berdoa semoga pengalaman yang diperoleh dapat menjadi motivasi untuknya terus berusaha dengan lebih baik serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk lebih mendekati, mencintai dan menghayati Al-Quran.

Manakala pemenang bagi Kategori 'C', Dayang Siti Nurzawanah binti Mohammad Saidin pula merafakkan rasa syukur dan gembira yang tidak terhingga kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana diumumkan sebagai johan dalam pertandingan berkenaan serta ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa, guru-guru dan semua yang menyokongnya.

Jelasnya, dia hanya berpegang kepada tiga kunci kejayaan untuk sampai ke tahap berkenaan, iaitu pertama ialah sentiasa perbaiki solat dan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala, sementara kedua ialah sentiasa konsisten menghafaz dan mengulang Al-Quran, dan terakhir ialah berusaha dengan ikhlas semata-mata kerana-Nya.

Tambahnya lagi, persediaan dilakukan selama beberapa bulan dengan bimbingan guru Al-Quran dan ini kali kedua dia menyertai pertandingan berkenaan. Alhamdulillah, kali ini Allah Subhanahu Wata'ala memudahkan baginya menjadi johan.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memudahkan saya untuk terus mendekati diri dengan Al-Quran, istiqamah dalam hafalan, memberi manfaat kepada orang lain melalui ilmu yang saya pelajari, dan dapat berpeluang mengikuti pertandingan ini lagi," ujarnya.

Sementara bagi Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham yang memenangi Kategori 'D' pula berkata, beliau tidak menyangkakan bahawa namanya diumumkan sebagai pemenang pertama, tambahan lagi semua peserta bersaing secara sihat dengan kematapan dan kelancaran hafazan mereka.

Jelasnya, semasa pengumuman beliau berasa amat bersyukur atas peluang dan nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada dirinya.

"Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan Allah

**JOHAN Kategori 'C', Dayang Siti Nurzawanah binti Mohammad Saidin dan johan Kategori 'D', Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham (kanan dan kanan sekali).**



Subhanahu Wata'ala, dan Alhamdulillah, kunci kelancaran ialah dengan sentiasa mengulang Al-Quran walau sesibuk apa pun dan tidak berputus asa.

"Diiringi dengan doa dan reda daripada kedua-dua ibu bapa saya, guru-guru serta rakan-rakan dan orang di sekeliling, saya berjaya mencapai kemenangan ini hasil daripada keberkatan Al-Quran yang dibaca sehari-hari dan doa-doa yang dipanjatkan mereka," ujarnya.

Dayang Ameerah Batrisyia@Sarah Huwaina telah menyertai Kategori 'D' sebanyak tiga kali dan dalam tempoh tiga tahun berkenaan, dia membuat persediaan yang banyak, dan sehingga pada kali ketiga ini berjaya mendapat tempat pertama.

Beliau berharap agar dapat mengikuti Kategori 'E', dan seterusnya berharap agar dapat membanggakan agama, negara dan bangsa dengan berkat Al-Quran dalam bidang ini.

Di samping itu jelasnya lagi, dapat bertanding di peringkat antarabangsa membawa nama Negara Brunei Darussalam sekali gus bukan sahaja dapat menghafal Al-Quran tetapi juga beramal dengannya dan kemudian bersinar kerana cahaya Al-Quran.

Manakala, johan bagi Kategori 'E', Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi juga menzahirkan rasa sangat bersyukur dan tidak menyangka dapat memenangi musabaqah berkenaan dan baginya, ini bukan sekadar kemenangan tetapi satu amanah untuk terus mendalami dan menjaga Al-Quran.



**JOHAN Kategori 'E', Awang Ahmad Huzaifah bin Haji Awang Hasbi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Mac. – Para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah dalam setiap kategori rata-rata mezhahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala setelah masing-masing dinobatkan menjadi johan.

Johan dalam Kategori 'A', Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri ketika ditemui menzahirkan rasa amat gembira serta agak terkejut kerana ini merupakan tahun kelima beliau menyertai pertandingan berkenaan sehingga mencapai ke peringkat akhir dan persediaan dibuat seawal pendaftaran bersama adik.

Menurutnya, kunci kejayaan berkenaan ialah sentiasa mengulang kaji Al-Quran, membuat latihan soal jawab dengan keluarga, iaitu adik-beradik dan ibu bapa; bangun solat malam dan memperbanyakkan doa.

Beliau berharap akan menyertai dan menjuarai kategori lain lagi selepas ini, dan seterusnya menyertai pertandingan peringkat antarabangsa juga, insyaaAllah.

Sementara bagi Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap yang memenangi Kategori 'B' juga menzahirkan rasa amat



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

**TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.**

**SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.**

Road Safety Depends on #YouAndMe



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026
2. 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026
3. 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقَضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَىٰ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ إِلَهٍ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cururan air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cururan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 73

**Tajuk Tawaran:**  
One Year General  
Cleaning For Tourism  
Development Department Office  
(2026 – 2027)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 26 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PSP / 003 / 2026

**Tajuk Tawaran :**  
Supply, Delivery, Installation And  
Commissioning Of 25/30  
MVA ONAN/ONAF 132/66/11kv  
Power Transformer At  
Muara Substation

**Tarikh Tutup:**  
7 April 2026  
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Peti Tawaran  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama, Aras 1  
Bangunan Jabatan Perdana  
Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913,  
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**  
Syarikat Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Dalam Kelas 4, 5 Atau 6 Dan  
Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan  
penerangan lanjut bolehlah  
diperoleh dari Bahagian Kaunter  
Unit Tawaran dan Sebut Harga,  
Tingkat Empat,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2026 – 2027 / 72

**Tajuk Tawaran:**  
One Year General  
Cleaning For Tourism  
Development Department Office  
(2026 – 2027)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
26 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang.



**Call For Expression Of Interest**

**Tawaran Tapak Bagi  
Menjalankan Perusahaan  
Ternakan Udang Menggunakan  
Teknologi Di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam**

**Jabatan Perikanan,  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan  
memaklumkan adanya  
kekosongan satu lot (1) bagi  
menjalankan perusahaan  
ternakan udang menggunakan  
teknologi di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Tutup EOI:**  
Khamis,  
12 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari



**Bilangan Sebut Harga:**  
JKP / LTK / 2025 - 2026 / 17

**Tajuk Sebut Harga:**  
Event Management  
Services For Visit  
Year Brunei 2027 –  
Pre-Launch Event

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
17 Mac 2026  
(Selasa)  
Jam 12.00 Tengah hari

**Yuran Setiap  
Satu Sebut Harga:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian



**Bilangan Dan Tajuk  
Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPA /  
BHEK / Q / 2026-02  
Perkhidmatan Pembersihan Bagi  
Pejabat Marin Dan Pencegah  
Muara, Jabatan Kastam Dan  
Eksais Diraja, Kementerian  
Kewangan Dan Ekonomi,  
Negara Brunei Darussalam  
Secara Berkontrak Bagi Tempoh  
Satu (1) Tahun

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa,  
31 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Kanun Acara Mal  
Mahkamah-Mahkamah Syariah,  
Penggagal 237**

**Saman Gantian  
Dalam Mahkamah Rendah  
Syariah  
Di Daerah Tutong,  
Negara Brunei Darussalam**

**Kes Mal Bilangan:**  
TT / MRS / MAL-B / S039A / 0114  
/ 10-2025

**Antara**  
**Mohammad Norbadaruddin  
Bin Mohd Sani  
- Plaintiff / Pemohon**

**Dan**

**Noradibah @ Fitri  
Binti Awang Mohamat  
- Defendan / Responden**



**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas II, III, IV atau V  
Kategori KPB12**

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
2 Mac 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
24 Mac 2026 (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**  
31 Mac 2026 (Selasa)  
Sebelum Jam 2.00 petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga  
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah  
Bangunan Kementerian  
Pembangunan, Lapangan  
Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3510,  
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T002 / 2026**  
Kerja-Kerja Penyelenggaraan  
Landskap Di Kawasan Pusing  
Keliling Lapangan Terbang,  
Pusing Keliling Berakas, Pusat  
Keliling Pusat Dakwah, Pusing  
Keliling PMO, Pusing Keliling  
Kiulap dan Pusing Keliling  
Berdekatan Masjid Jame 'Asr  
Hassanil Bolkihah,  
Negara Brunei Darussalam Bagi  
Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T002 / 2026

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND30.00 (Non Refundable)



**Tuntutan: Hak Penjagaan Anak**

Kepada : **Noradibah @ Fitri Binti  
Awang Mohamat (Defendan) -  
Alamat Terakhir: No. 55, Simpang  
165, Jalan 99, RPN Rimba  
Gadong, Rumah Teres,  
Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini di saman  
supaya hadir secara sendiri atau  
melalui Peguam Syarie kamu di  
hadapan **Mahkamah Rendah  
Syariah Daerah Tutong pada  
Rabu, 28 Ramadan 1447H  
bersamaan / 18 Mac 2026M**  
pada jam 9.30 Pagi untuk  
menjawab tuntutan terhadap  
kamu oleh plaintiff yang  
dinamakan di atas, yang mana  
butir-butir Tuntutan itu seperti  
dinyatakan dalam Penyataan  
Tuntutan yang diendorseskan.

Sila ambil perhatian bahawa jika  
kamu ingkar hadir di mahkamah  
pada hari dan masa yang  
ditetapkan, Mahkamah boleh  
meneruskan untuk mendengarkan  
dan memutuskan kes tanpa  
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa  
jika kamu ingin membela diri  
terhadap tuntutan tersebut, kamu  
hendaklah memfailkan di  
Mahkamah ini dan menyampaikan  
kepada Plaintiff suatu pembelaan  
dalam borang yang ditetapkan  
sebelum tarikh yang disebut di  
atas atau hadir di Mahkamah  
pada tarikh itu.

**Bertarikh :  
16 Syaaban 1447H /  
4 Februari 2025M**

**Meterai  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Tutong  
Negara Brunei Darussalam**



**KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Pusat Kebangsaan  
E-Kerajaan,  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi**

**Bilangan Tawaran:**  
EGNC / PM / 4.1 / 2.2026  
Replacement of EGNC  
Email Messaging Gateway  
with Maintenance and  
Support for 3 Years,  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan  
(EGNC),  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi (MTIC)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
31 Mac 2026





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1598) / 2025 /  
HTD (A12)

**Keterangan:**  
Supply, Delivery And Installation  
Of Batteries For Mindray  
Defibrillators, Model D1 (AED),  
C1A (AED) And D3  
In Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1604) / 2026 / HTD  
(A17)

**Keterangan:**  
To Service And Repair One (1)  
Unit Of Hirayama Laboratory  
Autoclave, BME7123, Model:  
HV-110, SN: 30509030649 At  
Clinical Microbiology Reference  
Lab, RIPAS Hospital  
(WO: 2025-10353)

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1590) / 2026 / HTD  
(B4)

**Keterangan:**  
To Repair Two (2) Units Of  
Warmer Blanket, Brand:  
CSZ At Ward 11 And ICU 2,  
RIPASH

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1589) / 2026 / HTD  
(B4)

**Keterangan:**  
One Of Preventive Maintenance  
Of Transport Ventilator, Brand:  
Hamilton Model: T1 BME NO:  
25958, SN: 17756 At  
Emergency Department RIPASH

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
(03)JPR / QTN / 2026

**Keterangan:**  
To Supply, Replace, Install And  
Testing Examination Lights At  
Kuala Belait Dialysis Centre,  
Suri Seri Begawan Hospital,  
Kuala Belait

**Bilangan Sebut Harga:**  
(10)PIHMH / KEW / 015 PT.I

**Keterangan:**  
Replacement Works Of Amoured  
Cables For Generator Set At  
Hospital Pengiran Isteri Hajjah  
Mariam, Temburong



**Bilangan  
Sebut Harga:**  
42 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Four  
Thousand (4,000) Pieces Of  
Psikologi File With Plastic  
Fastener For Public Psikologi Unit,  
Department Of Health Services,  
Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**  
(12) PSD / QTN / 2026 -  
PEROLEHAN

**Keterangan:**  
Pembekalan Dan Penghantaran  
Makanan (Buffet Dan Packed  
Food) Bagi Pegawai Dan  
Kakitangan Kementerian  
Kesihatan Bagi Upacara Atau  
Majlis Rasmi Yang Dikendalikan  
Di Kementerian Kesihatan

**Bilangan Sebut Harga:**  
(01)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS /  
2026 / GERIATRIC UNIT

**Keterangan:**  
Supply And Deliver Medical  
Consumables (Nasojejunal  
Feeding Tube) For Geriatric And  
Palliative Unit At Raja Isteri  
Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan Sebut Harga:**  
41 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Supply And Replace With New  
Public Address Center System  
(For Ground Floor, 1st Floor & 2nd  
Floor) PAPHMWHB Gadong  
Health Centre

**Bilangan Sebut Harga:**  
43 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Replacement Of New Fire Alarm  
Panel & New Electric Pump C/W  
Related Item, Health Centres

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 11 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Mupirocin Nasal Ointment 2%  
Qty: 250 x 3g

2/ Memantine 10mg oral solid  
preparation preferably tablet  
Qty: 170 x 60's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 12 / 2026

**Keterangan:**  
Oxytetracycline 5mg With  
Polymycin B 1mg (10,000ug) Eye  
Ointment As Terramycin Eye  
Ointment Or Its Equivalent  
Qty: 12,500 x tube of 3.5g

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 13 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Rivaroxaban 15mg Oral Solid  
Preparation Preferably Scored  
Tablet  
Qty: 120 x 28's

2/ Semaglutide 3mg Oral Solid  
Preparation Preferably Tablet  
Qty: 60 x 30's

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 14 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Semaglutide 0.25mg Solution  
For Injection (1mg of Semaglutide  
in 1.5ml Prefilled Pen) Inclusive  
Of Needles as Wegovy or Its  
Equivalent  
Qty: 10 x prefilled pen

2/ Semaglutide 0.5mg Solution  
For Injection (2mg of Semaglutide  
in 1.5ml Prefilled Pen) Inclusive  
Of Needles As Wegovy or Its  
Equivalent  
Qty: 10 x prefilled pen

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 15 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Semaglutide 1mg Solution For  
Injection (4mg of Semaglutide in  
3ml Prefilled Pen) Inclusive Of  
Needles as Wegovy or Its  
Equivalent  
Qty: 10 x prefilled pen

2/ Semaglutide 1.7mg  
Solution For Injection  
(6.8mg of Semaglutide in 3ml  
Prefilled Pen) Inclusive Of  
Needles as Wegovy or Its  
Equivalent  
Qty: 10 x prefilled pen

3/ Semaglutide 2.4mg Solution  
For Injection (9.6mg of  
Semaglutide in 3ml Prefilled Pen)  
Inclusive Of Needles as Wegovy  
or Its Equivalent  
Qty: 80 x prefilled pen

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 16 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Alprazolam 0.25mg  
Oral Solid Preparation  
Preferably Scored Tablet  
Qty: 250 x 100's

2/ Melatonin 2mg Modified  
Release Oral Solid Preparation  
Preferably Scored Tablet  
Qty: 500 x 30's

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 17 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Pancreatin 10,000IU  
Oral Solid Preparation  
Preferably Scored Tablet  
Qty: 130 x 100's

2/ Pancreatin 0.125mg  
Oral Solid Preparation  
Preferably Tablet  
Qty: 120 x 30's

**Bilangan  
Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 18 / 2026

**Keterangan:**  
Sofosbuvir 400mg,  
Velpatasvir 100mg, Voxilaprevir  
100mg Oral Solid Preparation  
Preferably Tablet as Vosevi  
or Its Equivalent  
Qty: 3 x 28's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 19 / 2026

**Keterangan:**  
Basiliximab 20mg Injection  
Qty: 12 vials

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 20 / 2026

**Keterangan:**  
Yellow Fever Vaccine (Live)  
Qty: 200 x 1 dose vial + prefilled  
syringe

**Bilangan Sebut Harga:**  
(13) PSD / QTN / 2026 -  
(ESTETMOH)

**Keterangan:**  
To Trace And Divert  
Existing Fire Alarm Circuit To  
New Addressible Fire Alarm Panel  
From State Medical Store  
Building To Vector Building,  
Kg Madaras

**Bilangan Sebut Harga:**  
(14) PSD / QTN / 2026  
- (JDP)

**Keterangan:**  
Pembelian Kerusi Pejabat  
Untuk Bilik Mesyuarat  
Jabatan Dasar Dan  
Perancangan

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
14 Mac 2026  
Jam 9.00 Pagi

**PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :  
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :  
**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
JPKAS / IKLAN / 25-26 / 16

**Keterangan:**  
Perbekalan Dan Penghantaran Dua Ribu Lima Ratus (2,500) Liter Bahan Campuran Pengasapan 'Fogging Solution' Bagi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
44 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Forty (40) Units Of General Pedal Bin 30l For All Tutong Health Centre, Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1607) / 2026 / HTD (B8)

**Keterangan:**  
To Repair Four (4) Units Of Baby Incubator, Brand: GE, Model: Omnibed At WCC Ripas Hospital

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1606) / 2026 / HTD (B9)

**Keterangan:**  
To Supply And Deliver Spare Parts For Newtron Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (w/o: 2026-11053)

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1605) / 2026 / HTD (A18)

**Keterangan:**  
Replacement Of Video Nasopharyngoscopy For Otopront ENT Workstation, Model: Basic Plus, BME25822

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1602) / 2026 / HTD (B8)

**Keterangan:**  
To Repair Two (2) Units Of Multi-Parameter Patient Monitor, Brand: Welch Allyn, Model: Spot Vital Signs LXI At WCC RIPAS Hospital

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1583) / 2026 / HTD (B9)

**Keterangan:**  
To Supply, Deliver And Install Spare Parts Of Three (3) Units Of Midmark Autoclaves, Model: Dentisure B18, BME25729 & BME29614 At Berakas Health Center And BME29626 At Sungai Liang Dental Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1585) / 2026 / HTD (A17)

**Keterangan:**  
To Service And Repair Spareparts For One (1) Unit Of Hettich Floor Standing Centrifuge, Model: Roto Silenta 630 RS, BME25274, 0002192-29 At NMR Laboratory, Sumbiling (WO:2025-9476)

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
(15) PSD / QTN / 2026 – (JDP)

**Keterangan:**  
Pembelian Set Sofa Bagi Kegunaan Di Bilik Jabatan Dasar Dan Perancangan

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
(16) PSD / QTN / 2026 – (IT)

**Keterangan:**  
The Purchase Of Network Attached Storage (NAS) For TOPCON Machine And Imagenet 6 Licences For AI Retinopathy Project (Non-Clustering) – MOH/HTD/T01/2026

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
(17) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

**Keterangan:**  
Two (2) Years Contract For Maintenance And Repair Electrical Services Under Ministry Of Health Complex

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
(18) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

**Keterangan:**  
Work Of Relocation And Transfer Existing Telephone Landlines At All Units, East And West Wing, Block 2G, Ong Sum Ping, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Bilangan Sebut Harga:**  
(02)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / ICU

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Medical Items (Dressing Trolley And Drip Stand) For Intensive Care Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (Non-Clustering)

**Yuran Tawaran:**  
BND 5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
28 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
V (IV & V) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam 12.00  
Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 003 / 2026 –  
(SEW).TV

**Nama Projek:**  
Menaiktaraf Kolam-kolam Rawatan Di Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong (Tawaran Semula)

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 007

Pembelian Portable Compressor Breathing Apparatus Bagi Unit Khidmat Bomba Dan Keselamatan, Khidmat Bantuan Kombat, Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 31 Mac 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
7 April 2026  
2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
III & IV

**Kategori:**  
B01  
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 03 / CQS /  
2026-T / III

**Nama Projek:**  
Pembinaan Courtyard Kiri Dan Kanan Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba – Design And Build

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-

KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI

**Bilangan Sebut Harga:**  
01 / MFA-ICC-Q / 2026-27

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pest Control Services For International Convention Centre, Berakas For A Period Of Thirty-Six (36) Months

**Bayaran Yuran Dokumen:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 25 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**  
Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of The Air Traffic Service Switching System And Health Check For Voice Communication, Backup Voice Communication, And Voice Recording Systems For The Air Traffic Services Centre, Department Of Civil Aviation  
**ATELS / 2026 / LTK-02**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:**  
23 Februari 2026, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
20 April 2026, Isnin

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
21 April 2026, Selasa

**Kepada:**  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan  
BB3910  
Negara Brunei Darussalam

JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN


**Bilangan Tawaran:**  
JBS / ADM / TDR / 01 / 2026

**Keterangan:**  
Request For Proposal To Finance, Design, Build, Manage, Operate And Maintain A Sports Complex In Kampung Lambak Kanan - Retender

**Yuran Tawaran:**  
FOC

**Tarikh Tutup:**  
28 April 2026





# IMBASAN MINGGUAN

MAJLIS Bertadarus Al-Quran sepanjang bulan Ramadan bagi merebut ganjaran istimewa yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



Kira-kira 60 pegawai dan kakitangan serta Pegawai-pegawai Kanan Print Plus Sdn. Bhd. (Print Plus) yang menghadiri Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Surau Al-Mutma'inah, di premis organisasi berkenaan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

ANTARA yang hadir menyertai Sembahyang Sunat Gerhana Bulan yang diadakan di seluruh masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA penerima yang hadir pada Majlis Penyampaian Derma Tabung Anak-anak Yatim Daerah Temburong bagi meringankan beban perbelanjaan anak-anak yatim semasa menyambut bulan Syawal nanti. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



ORANG ramai berkunjung ke Projek Amal Baju Raya yang merupakan sebuah inisiatif kebajikan yang dianjurkan bagi membantu golongan yang memerlukan membuat persiapan menjelang perayaan Aidilfitri nanti. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

# NBT BRUNEI KONGSI REZEKI BERSAMA ANAK YATIM



SEKITAR 'Ramadan Penuh Senyuman - Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim' yang berlangsung di Ruang Pameran Toyota, Gadong (atas dan kanan).

GADONG, Sabtu, 7 Mac. - Dalam bermasyarakat di bulan Ramadan yang mulia ini, NBT Brunei, sebuah



Syarikat Inchcape, baru-baru ini meneruskan inisiatif

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) tahunannya, 'Ramadan Penuh Senyuman - Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim' yang berlangsung di Ruang Pameran Toyota, Gadong, di sini.

Penerima yang terpilih adalah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Tumpuan utama inisiatif berkenaan adalah pek kegemilangan yang disediakan khas, diisi dengan biskut, makanan ringan, manisan, dan sampul hijau (wang raya), yang dihimpunkan dengan teliti untuk membawa detik-detik keceriaan, keselesaan, dan galakan kepada anak-anak dan keluarga mereka.

Kanak-kanak berkenaan turut dihidangkan dengan bungkus makanan daripada McDonald's,

Oleh : Pg. Syi'aruddin  
Pg. Daudin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

berserta mainan istimewa yang disertakan dalam setiap set.

Hadir dan seterusnya mengetahui penyampaian sumbangan bersama barisan kepimpinan dan kakitangan Syarikat Inchcape ialah Presiden Inchcape Brunei, Awang Haji Ahmad bin Haji Husin.

"Anak-anak ini adalah nadi komuniti kita, dan senyuman mereka tidak ternilai harganya," jelas Awang Haji Ahmad.

Kejayaan NBT adalah hasil kepercayaan dan sokongan rakyat Brunei, dan berkongsi rezeki di bulan yang istimewa ini adalah cara kami memberi kembali, ujanja lagi.

Melalui 'Kurnia Senyuman' (Gift of Smile), beliau menjelaskan NBT Brunei berharap dapat mencipta detik-detik kebahagiaan, menunjukkan kepada anak-anak berkenaan bahawa mereka dipedulikan dan dihargai.

Lebih daripada sekadar pengagihan hadiah, inisiatif 'Kurnia Senyuman' ini adalah sebuah keraian ihsan, kebersamaan, dan semangat Ramadan yang sebenar sebagai satu peringatan bahawa gerak-geri kecil boleh mencipta kegemilangan yang berkekalan.

NBT Brunei merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JAPEM, McDonald's, kakitangan NBT dan masyarakat Brunei atas usaha kerjasama mereka dalam menyebarkan keceriaan dan sokongan kepada anak-anak yatim.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

## Forum Perniagaan Britain Brunei adakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-25



Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Forum Perniagaan Britain Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Forum Perniagaan Britain Brunei (BBBF) baru-baru ini telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-25 yang menghimpunkan para ahli, pemimpin perniagaan serta para jemputan bagi meninjau semula pencapaian dan perkembangan terkini forum tersebut.

Mesyuarat telah diadakan di The Roof, Bangunan Annexe

Laksamana College of Business, Batu Satu.

Mesyuarat Agung Tahunan berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British, Ann Herrigan, yang menekankan kepentingan hubungan perniagaan yang kukuh dan berterusan antara United Kingdom (UK) dan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta memuji peranan aktif Forum

Perniagaan Britain Brunei dalam memupuk dialog dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Pada mesyuarat tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Standard Chartered, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim, telah menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengerusi Forum Perniagaan Britain Brunei selepas menyempurnakan tempoh tiga tahun selaras dengan perlembagaan forum yang menetapkan tempoh maksimum tiga tahun bagi jawatan tersebut.

Walau bagaimanapun, Pengiran Aki Ismasufian akan terus berkhidmat dalam Jawatankuasa BBBF sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Timbalan Pengetua Laksamana College of Business, Dr. Siva Subramaniam, telah dipilih sebagai pengerusi bagi Sesi 2026/2027.

Turut dicalonkan ialah Yeeman Cheng sebagai Setiausaha Kehormat manakala Ambrose Nathan sebagai Bendahari Kehormat.

Dalam ucapan beliau, Pengiran Aki Ismasufian merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan serta

sokongan yang diberikan oleh ahli-ahli BBBF dan para rakan kerjasama.

Beliau turut menekankan usaha berterusan forum tersebut dalam memperkukuh hubungan perniagaan antara UK dan NBD melalui pelbagai ceramah, acara ahli serta inisiatif kemasyarakatan.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty; Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British, Ann Herrigan, Juruaudit KPMG serta Laksamana College of Business atas sokongan berterusan mereka.

Dalam masa yang sama, beliau menyatakan keyakinan terhadap perkembangan dan kemajuan forum tersebut di bawah kepimpinan baharu Dr. Siva Subramaniam bagi penggal 2026/2027.

Dalam ucapan balas, pengerusi baharu Forum Perniagaan Britain Brunei, Dr. Siva Subramaniam, merakamkan penghargaan kepada pengerusi yang terdahulu atas kepimpinan yang diberikan serta menegaskan komitmennya untuk meneruskan usaha memajukan misi BBBF dalam memperkukuh hubungan perniagaan dan menggalakkan



SUASANA Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-25 anjuran Forum Perniagaan Britain Brunei (BBBF) (atas dan kiri).

kerjasama antara UK dan NBD.

Dr. Siva turut mengucapkan terima kasih kepada para ahli atas penglibatan dan sokongan berterusan mereka serta menyatakan komitmennya untuk berkhidmat kepada forum tersebut selaras dengan objektif dan visi jangka panjangnya sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai pengerusi.

# HAYATI PERISTIWA NUZUL AL-QURAN



**BELAIT**, Sabtu, 7 Mac. - Sempena Sambutan Nuzul Al-Quran, Syarikat Brunei Methanol Sendirian

Berhad (BMC) baru-baru ini menganjurkan ceramah agama bertajuk 'Al-Quran: Panduan Hidup

Selamanya' (Al-Quran: A Guide for Life Forever) untuk semua pegawai dan kakitangannya yang beragama

## Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Brunei Methanol Sendirian Berhad

**PEGAWAI** Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Tsuufiy bin Abdul Wahab semasa sesi bergambar ramai.

Islam, sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan syarikat untuk memupuk pertumbuhan rohani dan muhasabah semasa bulan suci Ramadan.

Sesi tersebut disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Tsuufiy bin Abdul Wahab.

Dalam ceramahnya, beliau menekankan kepentingan Al-Quran sebagai panduan abadi bagi umat manusia, menonjolkan peranannya dalam membentuk

sahsiah, mengukuhkan iman, dan membimbing keputusan harian.

Beliau turut menggalakkan para hadirin untuk mengeratkan hubungan mereka dengan Al-Quran, bukan sahaja melalui bacaan, tetapi melalui pemahaman dan menerapkan ajarannya dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka.

Sesi tersebut memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan untuk berhenti seketika daripada tanggungjawab harian mereka dan merenung makna mendalam Nuzul Al-Quran, memperingati wahyu Al-Quran kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga menjadi peringatan untuk mengeratkan hubungan mereka dengan iman dan membawa semangat positif Ramadan ke dalam kehidupan seharian mereka.

## Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Mac. - Keberkatan Ramadan terus disemarakkan dengan pelbagai acara berkeabajikan dan hari ini rombongan Dewan Perniagaan India di Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi paduka ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Rombongan disertai oleh

# Meraih keberkatan, semarak Ramadan



**ROMBONGAN** Dewan Perniagaan India di Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

kira-kira 50 ahli berkenaan dan diketuai oleh Yang Dipertua Dewan Perniagaan India di negara ini,

Awang Nazeer Ahamed Zacariah. Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta doa dipimpin oleh

Awang Mohd. Runy bin Metali. Adapun acara tersebut merupakan program tahunan bagi

persatuan berkenaan dalam mengimarahkan bulan Ramadan yang mulia ini.

# 56 Ahli Persatuan KACA terima sumbangan

## Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**PENGERUSI** Nor Taha J Sdn. Bhd., Annajat Complex, Datin Hajah Norhayati binti Haji Awang Md. Nawawi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Projek KACA.

**GADONG**, Ahad, 8 Mac. - Generasi Bekaroh dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mata-Mata Gadong dan MPK Perpindahan Mata-Mata Gadong, pagi ini, mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Projek KACA bertempat di Annajat Complex, di sini.

Majlis dihadiri oleh Pengerusi Nor Taha J Sdn. Bhd., Annajat Complex, Datin Hajah Norhayati binti Haji Awang Md. Nawawi selaku tetamu kehormat dan dipengerusikan oleh Pengurus Projek Generasi Bekaroh, Dayangku Siti Serbanun binti Pengiran Hidup.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Mata-Mata Gadong Kawasan 2, Awang Muhammad Jame Azrin bin Haji Dulamit selaku Penganjur Bersama dan Bendahari Persatuan KACA, Awang Haji Roslan bin Haji Hassan selaku wakil Persatuan KACA dan penyokong projek.

Seramai 56 Ahli Persatuan KACA telah menerima sumbangan

berupa makanan dan keperluan asasi bagi kegunaan sepanjang bulan Ramadan dan persiapan menjelang Syawal.

Sumbangan merupakan hasil usaha bersama orang ramai, pihak penganjur dan penyokong projek. Projek KACA diadakan bagi

memberi bantuan dan meringankan keperluan harian Ahli-ahli Persatuan KACA dan keluarga, di samping memupuk sifat pemedulian dan keprihatinan terhadap komuniti yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.

**كشورين كصحة**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

**PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA**  
*Sumbangkan Ribu Ribu*

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



## كفتيغن مڠتاهوئي دان مهمي علمو قراءات

Oleh : Siti Norol Hafizah @ Siti Nor'ain Haji Zulkifle dan Intan Nur Aiman Haji Zaidin, dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

تيمبول دالم كالغن صحابت.

الله سبحانه وتعالى تله ممولياكن قوم مسلمين دغن منورونكن كتاب سوچي سباڠاي فتونجوق كغد اومت ماءنسي. سوده منجادي كواجبن كغد كيت اونتوق مباح دان مهمي معنائ سباڠاي فتونجوق اونتوق دعملكن دالم كهيدوقن سهارين.


علمو القراءان مغاندوغي فلباڠاي چايغ دان دانناران اiale علمو قراءات. قراءات مروجوع كغد فلباڠاي چارا باچان القراءان يغ صحيح دان متواتر يغ تله دروايتكن سچارا برسامبوغ كغدرسول الله ﷺ ملالوئي قارا صحابت دان تابعين. كونسيغ علمو قراءات تيدق سام دغن كونسيغ علمو تجويد دان چايغ ٢ علمو القراءان يغ لايغ سقرتي تفسير، علوم القراءان دان رسم عثمانى.

ترداقت فرييدان دالم سبوتن ووكل اتاو سوكو كات مروفاكن فركارا ياسا باكي بغسا عرب كران بغسا اين ترديري درغد فلباڠاي سوكو دغن دياليك ماسيغ ٢. ستياغ سوكو ممقوپاغي كاي سبوتن يغ اونيك دان ترسنديري. قد زمان نبي محمد ﷺ، القراءان دباچ دغن برباڠاي بنتوق باچان اونتوق مودهكن سوكو ٢ عرب مهمي كاندوغنن مغيكوت كسسواين كادان دان دياليك مريك. فرديبتن عاقبة فرييدان باچان همشير تيدق برلاكو قد زمان اين كران نبي محمد ﷺ سنديري منجادي روجوعن اوتام دالم فمقايين القراءان دان بكيندا سنتياس ممبولكن ستياغ فرييدان باچان يغ

سچارا سيستماتيک ملالوئي فغومقولن مصحف، فمبنتوقن سند باچان، فنتنن قراءات متواتر دان فنوليسن كاريا علميه. سمو اين برتوجوان اونتوق منجاك كصحيحن باچان القراءان سهيشك كهاري اين.

داننارا قراءات يغ فاليج تركنل دان سريغ دفلاجري داينستيتوسي فغاجين اiale قراءات سبعة (توجوه باچان اوتام) يغ دکلاسيفيكاسيكن اوليه امام ابن مجاهد. انتارا كاريا بلياو اداله سبواه كتاب يغ برتاجوق 'السبعة في القراءات'. بلياو تله مهمليه توجوه اورغ امام سهاج ياءيت نفي المدني، ابن كثير المكي، ابوعمرو البصري، ابن امير الشامي، عاصم الكوفي، همزة الكوفي دان الكسائي الكوفي. فميليهن كتوجوه-توجوه امام قراءات اداله برداسرکن شرط ٢ ترتنتو سقرتي سساورغ ايت هاروسله ماهير دالم بيدغ القراءان، مڠتاهوئي جنيس ٢ قراءات مشهور دان شاذ، برقغتاهوان دالم علمو فروايتن دان فغواسان مندالم دالم بيدغ بهاس عرب.

كفتيغن مڠتاهوئي علمو قراءات اين اداله اونتوق ممليهارا كاصلين القراءان، مسكيغون ترداقت وارياسي دالم چارا باچان سقرتي فرييدان بوپي اتاو فنجغ حروف، سموان تنف صح حتى دباچ سماس منوناين عبادة سمبهيج، تيدق برچغكه اتاو مقوبه حكوم دان تيدق مقوبه معنا اصل القراءان. مك دغن



ايت، تيمبول له كيقينن دان ككاكومن ترهادف كهيبتن سرتا فنجاكاهن وحي الهي سباڠاي معجزة يغ ككل هيغك ك اخير زمان. فرييدان دري سكي باچان جوگ ملامبغكن سيكف تولنسي سسام اسلام دان بوكنله ساتو فرتنتنن اتاو ككليروان، سباليقن منچرمينكن كايندن، كلواسن دان فليكسيبيليتي بهاس عرب يغ منجادي ميديوم تورونن القراءان. علمو اين جوگ اداله انتارا خزانه اكوغ دالم تراديدي كعلموان اسلام. بوكن سهاج فنتيغ دالم باچان القراءان، تنافي جوگ دالم كاجين تفسير، علمو بلاغة دان سباڠاين اومت اسلام فرلو مندالمي علمو اين اكر باچان دان فمهمن ترهادف القراءان سنتياس براساسكن كغد روايت يغ صحيح.

اورغ راماي يغ ايغين مليهت فاميرن مصحف القراءان دري فلباڠاي نكارا يغ منشيكن كسينن يغ اونيك دري سكي بنتوق، اوکورن دان اوکيرن، كاليكرافي سرتا كفلباڠاين باچان قراءات بولييله مڠونجوغي بالاي خزانه اسلام سلطان حاج حسن البلقية يغ ترداقت ددالم كالري دوا. بالاي خزانه اسلام دبوككن كغد اورغ راماي ستياغ هاري كچوالي هاري جمعة. لاوتن ترسبوت اكن ممبري فلواغ كغد فغونجوغ اونتوق مڠلي، مڠحياتي دان مڠهركاغي لايغ واريغن اسلام.



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 10 RABU 9 MACH, 1966. رابو 18 ذوالقعدة 1385 PERCHUMA

## S.U.K. Menguchapkan Tahniah Kapada Perajurit<sup>2</sup> A.M.D.B. Sebagai Hulubalang Negara

**BERAKAS KEM.** — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menegaskan bahawa Askar ada-lah tugas yang mulia kapada negara dan perajurit<sup>2</sup> yang berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei, sebagai Hulubalang Negara, patut-lah di-beri kehormatan terhadap perkhidmatan mereka yang chemerlang itu kapada negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah melafadzkan ucapan yang bersemangat itu sa-lepas beliau memereksa Perbarisan Tamat Latehan 40 orang rekrut<sup>2</sup> Askar Melayu Diraja Brunei dari pengambilan yang ke-enam pada pagi hari Sabtu 5 Mach, 1966. Mereka telah tamat berlatah selama 16 minggu dalam lapangan ketenteraan.

Perbarisan tersebut telah diadakan di-Kawasan Perbarisan Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem di-bawah pimpinan Lieutenant Muda Mohamed Husain bin Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah di-sambut ketika tiba di-Berakas Kem oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Lieutenant Colonel Dato Setia D.M. Fletcher.

Sa-lepas memereksa perbarisan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menyampaikan Piala<sup>2</sup> Perak kapada rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik.

Rekrut yang terbaik ia-lah Ismail bin Kassim dan penembak yang terbaik ia-lah Abdul Manaf bin Ismail.

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut ia-lah Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, di-bawah pimpinan Pengarah Musik A.M.D.B., Kaptan R. R. Greening.

Dalam ucapan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof yang "penoh dengan bersemangat", beliau telah memuji perkhidmatan perajurit<sup>2</sup> dari Askar Melayu Diraja Brunei kerana kebaktian mereka kapada negara ini.

Beliau juga telah menguchapkan tahniah kapada rekrut<sup>2</sup> yang telah memenangi hadiah<sup>2</sup> sebagai rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik.

Kapada perajurit<sup>2</sup> yang tidak memenangi hadiah<sup>2</sup> yang berharga itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menasehatkan mereka supaya jangan-lah putus asa dan terus menchuba memenangi hadiah<sup>2</sup> dalam lapangan ketenteraan.

Kapada ibu bapa pula, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menasehatkan mereka supaya membenarkan anak<sup>2</sup>

mereka berkhidmat dalam Askar Melayu Diraja Brunei.

Kapada pemuda<sup>2</sup> di-negeri ini, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menyeru kapada mereka supaya berkechimpong-lah diri mereka dalam Askar Melayu Diraja Brunei untok faedah bangsa dan negara.

Selanjut-nya beliau berkata, Insha Allah, lebeh banyak lagi jawatan<sup>2</sup> sebagai Pegawai<sup>2</sup> dalam Askar Melayu Diraja Brunei akan di-serahkan kapada anak<sup>2</sup> negeri ini yang berke-layakan kelak.

## PEPEREKSAAN SIJIL PERSEKOLAHAN CAMBRIDGE

**BANDAR BRUNEI.** — Seramai 84 orang chalon<sup>2</sup> dari enam buah Sekolah<sup>2</sup> dan Maktab<sup>2</sup> serta chalon<sup>2</sup> bersendirian di-Negeri Brunei telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge yang telah di-adakan pada penghujung tahun 1965.

Selain dari itu, 66 orang chalon<sup>2</sup> dari negeri ini telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Awam (G.C.E.).

Menurut Sinarai Keputusan Peperiksaan<sup>2</sup> tersebut yang diterbitkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei pada 1 Mach, 1966, seramai 165 orang chalon<sup>2</sup> dari enam buah Sekolah<sup>2</sup> dan Maktab<sup>2</sup> serta 27 orang chalon<sup>2</sup> bersendirian telah masok Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge.

Seramai 19 orang telah mendapat Pangkat Pertama, 25 orang telah mendapat Pangkat Kedua dan 40 orang telah mendapat Pangkat Ketiga dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge.

Keputusan penoh peperiksaan tersebut ada-lah di-siarkan di-Muka 2.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini membalas tabek di-istiadat Perbarisan Tamat Latehan rekrut<sup>2</sup> Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu 5 Mach, 1966.

## MEMUPUK SIKAP KERJASAMA DALAM KALANGAN GENERASI MUDA



LAST Pride Bikers Brotherhood MG Brunei bersama-sama mahasiswa-mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan aktiviti 'Kerja Amal Kebajikan di Indahnya Bulan Ramadan 2026' (atas dan kanan).

**TUTONG**, Ahad, 8 Mac. - Bersempena bulan Ramadan 1447 Hijrah, Last Pride Bikers Brotherhood MG Brunei bersama-sama tiga mahasiswa dan tiga mahasiswi dari Universiti

Brunei Darussalam (UBD) hari ini mengadakan aktiviti 'Kerja Amal Kebajikan di Indahnya Bulan Ramadan 2026'. Hadir dan mengetuai aktiviti berkenaan, Presiden Last Pride

Bikers Brotherhood MG Brunei, Awang Muhd. Taib Azamuddin bin Haji Abdul Halif.

Aktiviti berkenaan bertujuan bagi menggalakkan umat Islam menghayati bulan Ramadan sebagai bulan ibadat dan juga bulan kebajikan dalam membantu masyarakat *kitani*.

Antara pengisian aktiviti termasuklah aktiviti bergotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Islam Lubok Pulau, Pengkalan Jalur, Daerah Tutong dan seterusnya bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil yang dipimpin oleh ahli Last Pride Bikers Brotherhood MG Brunei, Awang Muhd. Afiq bin Jasmee dan kemudian diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Masjid Lubok Pulau, Tutong.

Sejurus selepas itu, aktiviti diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan barang keperluan masjid ke beberapa buah masjid di Daerah Tutong, iaitu Masjid Kampung Lubok Pulau, Masjid

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ihsan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam; Last Pride Bikers Brotherhood MG Brunei



Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai; dan Masjid Kampung Penabai, Kuala Tutong.

Objektif aktiviti adalah untuk menanam dan memupuk sikap kerjasama dalam kalangan golongan generasi muda di samping mengeratkan silaturahim bersama para ahli dan keluarga Last Pride Bikers Brotherhood MG Brunei dengan mahasiswa serta mahasiswi UBD dan masyarakat sekitarnya.

Dalam masa yang sama, ia juga untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap kumpulan permotoran, serta peranan dan

tanggungjawab mereka dalam masyarakat *kitani*.

Aktiviti berkenaan juga merupakan salah satu modul bagi mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Brunei (APB), UBD dalam PB 4301 Community Project I.

Dengan adanya aktiviti berkenaan diharap dapat mentransformasikan penghayatan bulan Ramadan yang lazimnya berfokuskan kepada ibadah seperti Sembahyang Sunat Tarawih, Witir dan Tadarus kepada kerja-kerja amal kebajikan yang berupaya membantu masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

## Ex HBG Maktab SOAS anjur Majlis Khatam Al-Quran



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (DRIPAD), Kampung Bebatik, Mukim Kilanas (atas dan bawah).

**BEBATIK, KILANAS**, Ahad, 8 Mac. - Bekas pelajar lelaki dan perempuan (Ex Hostel Boy & Girl - Ex HBG) Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin yang pernah tinggal di asrama maktab tersebut, hari ini,

mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (DRIPAD), Kampung Bebatik, Mukim Kilanas, di sini.

Majlis terdahulu dimulakan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dengan penyampaian wakaf yang disampaikan Dato Paduka Awang Haji Mahadi bin Haji Ibrahim yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas. Sementara itu, Doa Khatam pula dibacakan oleh Imam Masjid DRIPAD, Awang Syafiq bin Haji Md. Sofian.

Acara diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada seramai 19 orang anak yatim dari Kampung Bebatik, Kilanas dan Kampung Masin.

Majlis ini merupakan kali ke-11 ia diadakan semenjak kumpulan pelajar yang lebih dikenali sebagai kumpulan EX HBG ditubuhkan pada pertengahan tahun 2013 dan mempunyai kira-kira 200 orang ahli.

## Keputusan Peperiksaan SSSRU dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei, telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Secara keseluruhan, seramai 5,474 calon telah menduduki Peperiksaan SSSRU tahun 1446H / 2025M. Daripada jumlah berkenaan, seramai 4,884 orang adalah calon sekolah dan 590 orang adalah calon bukan sekolah.

Daripada seramai 4,884 orang calon sekolah, 3,766 calon telah lulus dengan peratus pencapaian sebanyak 77.11 peratus, iaitu meningkat sebanyak 8.77 peratus berbanding pencapaian calon tahun 2024M.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 3,172 calon (64.95 peratus) memperoleh Pangkat 1, iaitu meningkat sebanyak 4.38 peratus berbanding pencapaian calon tahun 2024M; Pangkat 2 seramai 487 orang calon (9.97 peratus), iaitu meningkat sebanyak 2.94 peratus berbanding pencapaian calon tahun 2024M; dan 107 calon (2.19 peratus) memperoleh Pangkat 3, iaitu meningkat sebanyak 1.46 peratus berbanding pencapaian calon tahun 2024M.

Sementara itu, 38 daripada 138 buah sekolah / pusat peperiksaan yang mendaftar bagi peperiksaan berkenaan, iaitu 27.54 peratus telah berjaya memperoleh pencapaian 100 peratus lulus, iaitu meningkat sebanyak 6.49 peratus berbanding pencapaian tahun 2024M.

Guru-guru besar sekolah agama yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan dan slip pernyataan keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Isnin, 19 Ramadan 1447H bersamaan 9 Mac 2026M di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di aras bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

Calon-calon sekolah yang telah menduduki peperiksaan berkenaan bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di sekolah agama masing-masing, manakala bagi calon-calon persendirian bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Aras Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang mendaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.



# INDONESIA MUNGKIN NAIKKAN HARGA BAHAN API BERSUBSIDI



**JAKARTA, 8 Mac.** - Indonesia mungkin menaikkan harga bahan api bersubsidi sekiranya lonjakan harga minyak global melebihi kemampuan belanjawan negara untuk menampung kos berkenaan, kata Menteri Kewangan Purbaya Yudhi Sadewa.

Beliau berkata sebarang kenaikan harga hanya akan dipertimbangkan sekiranya kerajaan tidak lagi dapat mengimbangi kesan kenaikan harga minyak melalui belanjawan negara.

"Jika belanjawan tidak mampu

menampung tekanan itu, tiada pilihan lain selain berkongsi beban berkenaan dengan rakyat, yang bermaksud kenaikan harga bahan api," katanya menurut laporan Agensi Berita ANTARA.

Pengiraan Kementerian Kewangan menunjukkan defisit

belanjawan boleh mencecah 3.7 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) sekiranya harga minyak kekal pada paras US\$92 setong sepanjang tahun tanpa campur tangan kerajaan.

Pada masa ini, harga bahan api bersubsidi di Indonesia ditetapkan pada Rp10,000 (RM2.33) seliter bagi petrol Peralite dan Rp6,800 (RM1.58) seliter bagi diesel bersubsidi.

Purbaya berkata kerajaan sedang menyediakan langkah mitigasi bagi mengelakkan kenaikan harga minyak daripada meluaskan defisit fiskal, termasuk pelarasan harga bahan api atau pengagihan semula perbelanjaan negara.

Program yang kurang menjadi keutamaan boleh dikurangkan bagi mengekalkan kesihatan fiskal, sambil memastikan program penting yang memberi kesan

kepada kebijakan rakyat terus dibiayai.

Beliau memberi contoh Program Makanan Berkhasiat Percuma (MBG), dengan menyatakan bahawa pengurangan perbelanjaan akan tertumpu kepada aktiviti sokongan dan bukannya penyediaan makanan.

Purbaya berkata Indonesia sebelum ini pernah berdepan kejutan harga minyak yang lebih besar, termasuk ketika harga minyak mentah mencecah kira-kira US\$150 setong, namun ekonomi negara kekal berdaya tahan.

Sebelum ini, Kementerian Tenaga dan Sumber Mineral Indonesia memaklumkan harga bahan api bersubsidi kekal stabil dan bekalan stok mencukupi menjelang sambutan Aidilfitri. - ©BERNAMA

## Kapal bawa 247,000 tan LNG, LPG tiba di Bangladesh

**NEW DELHI, 8 Mac.** - Empat kapal yang membawa kira-kira 247,000 tan gas asli cecair (LNG) dan gas petroleum cecair (LPG) telah tiba di Bangladesh, sekali gus mengukuhkan bekalan tenaga negara itu di tengah-tengah konflik Amerika Syarikat (AS)-Israel dengan Iran yang sedang berlarutan.

Kapal-kapal itu tiba di pelabuhan Chattogram dari pelabuhan Ras Laffan di Qatar, lapor Agensi Berita Bangladesh Sangbad Sangstha.

"Ketibaan selamat kapal-kapal itu di Bangladesh sebelum konflik

semakin memuncak telah memberikan kelegaan kepada sektor tenaga serta rantaian bekalan import negara," menurut laporan itu.

Menteri Tenaga Bangladesh Iqbal Hassan Mahmood pada Sabtu berkata negara itu mempunyai stok petroleum yang mencukupi dan meminta orang ramai supaya tidak tergesa-gesa membeli produk petroleum secara panik susulan kebimbangan bahawa konflik berpanjangan di Timur Tengah boleh mencetuskan krisis tenaga global.

Iran masih belum menutup Selat Hormuz, laluan maritim penting bagi penghantaran minyak dan gas global, namun memberi amaran bahawa kapal yang mempunyai kaitan dengan AS dan Israel boleh menjadi sasaran.

Sejak AS dan Israel melancarkan serangan terhadap Iran pada 28 Feb lepas, beberapa kemudahan tenaga telah diserang dan Selat Hormuz, di sempadan selatan Iran, menyaksikan trafik kapal tangki berkurangan dengan ketara. - ©BERNAMA

## AS serang rangkaian pengganas narkotik di Ecuador

**ISTANBUL, 7 Mac.** - Tentera Amerika Syarikat (AS) melancarkan serangan bersasar pada Jumaat terhadap rangkaian pengganas narkotik di Ecuador sebagai sebahagian operasi bersama pasukan Ecuador, menurut US Southern Command (SOUTHCOM), Anadolu Ajansi (AA) melaporkan.

SOUTHCOM dalam kenyataan di syarikat media sosial AS X memaklumkan operasi itu dijalankan atas permintaan Ecuador dan melibatkan 'operasi kinetik maut' terhadap organisasi pengganas yang disyaki beroperasi di negara itu.

"Komander Jen. Francis L. Donovan mengarahkan pasukan bersama itu untuk membantu pasukan Ecuador yang menjalankan operasi kinetik maut terhadap Pertubuhan Pengganas yang Disenaraikan di Ecuador," menurut kenyataan

itu. Donovan berkata operasi tersebut mencerminkan kerjasama antara AS dan Ecuador untuk memerangi keganasan narkotik di rantau ini. "Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan bersama kami dan angkatan bersenjata Ecuador atas kejayaan operasi menentang pengganas narkotik di Ecuador," kata Donovan.

"Tindakan kolaboratif dan tegas ini ialah kejayaan strategik untuk semua negara di Hemisfera Barat yang komited dalam membanteras dan menewaskan keganasan narkotik."

Jurucakap Pentagon Sean Parnell berkata agensi itu menjalankan tindakan yang disasarkan untuk membongkar apa yang disifatkannya sebagai kompleks bekalan pengganas narkotik.

"Jabatan Perang menyatukan rakan kerjasama di seluruh Hemisfera Barat untuk mengesan, menjejaskan dan memusnahkan organisasi pengganas disenaraikan yang mengalakkan keganasan dan rasuah," kata Parnell.

Setiausaha Perang AS Pete Hegseth turut berkongsi video di X, mengucapkan terima kasih kepada Ecuador atas kerjasamanya dan berkata tindakan selanjutnya menyusul.

Tidak dapat dipastikan angka kematian atau kecederaan daripada operasi itu.

Pentadbiran Trump telah mempergiat operasi ketenteraan di Laut Caribbean dan Lautan Pasifik Timur sejak September, menyatakan untuk menentang penyeludupan narkotik dan pembunuhan sekurang-kurangnya 148 orang sejak operasi bermula. - ©BERNAMA

## Mexico akan kerah 100,000 anggota untuk keselamatan Piala Dunia

**MEXICO CITY, 7 Mac.** - Negara tuan rumah bersama, Mexico, membentangkan pelan keselamatannya untuk Piala Dunia FIFA, hanya dua minggu selepas teretusnya keganasan di negara Amerika Utara itu berikutan pembunuhan seorang ketua kartel dadah, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Lebih 100,000 askar, pegawai polis dan anggota pasukan keselamatan swasta, selain dron, pesawat tentera dan anjing pengesan bahan letupan akan dikerahkan untuk memastikan kelancaran acara itu pada musim panas, kerajaan Mexico mengumumkan pada Jumaat.

Mexico menganjurkan kejohanan itu bersama Amerika

Syarikat (AS) dan Kanada. "Seperti yang anda boleh lihat, kami sudah bersedia dengan baik," kata Presiden Claudia Sheinbaum pada sidang media di bandar Guadalajara, salah satu venue.

Menurut Jeneral Román Villalvazo, ketua pusat penyelarasan keselamatan Piala Dunia di Mexico, tiga hingga empat kumpulan keselamatan akan ditubuhkan di semua lokasi utama Piala Dunia, termasuk stadium, hotel pasukan, lapangan terbang dan zon peminat.

Perlawanan pembukaan Piala Dunia dijadualkan berlangsung pada 11 Jun di ibu negara Mexico. Sebanyak 13 perlawanan akan diadakan di Mexico City, Guadalajara dan Monterrey.

Juara Eropah Sepanyol, Mexico dan Republik Korea Selatan akan bermain di Guadalajara.

Gelombang keganasan meletus pada 22 Februari di beberapa negeri di Mexico berikutan kematian ketua kartel dadah Nemesio Oseguera Cervantes, juga dikenali sebagai El Mencho, dalam operasi menangkapnya.

Kenderaan dibakar dan sekatan jalan raya haram dilakukan. Lebih 70 orang terkorban.

Kekecohan itu, terjadi hanya beberapa bulan sebelum Piala Dunia FIFA, menimbulkan kesangsian terhadap kesesuaian Mexico sebagai tuan rumah.

Kerajaan Mexico memberi jaminan keselamatan pasukan dan pelawat. - ©BERNAMA

## Pergerakan tanah jejas lebih 100 rumah di Sukabumi

**JAKARTA, 7 Mac.** - Ratusan penduduk dipindahkan selepas pergerakan tanah akibat hujan selama beberapa hari merosakkan sekurang-kurangnya 114 rumah di Kecamatan Bantargadung di Kabupaten Sukabumi, Jawa Barat.

Ketua Pusat Data, Penerangan dan Komunikasi Bencana Badan Pengurusan Bencana Negara (BNPB) Abdul Muhari berkata setakat Jumaat, 70 rumah rosak teruk, 26 rosak sederhana dan 18 rosak ringan.

Beliau berkata kejadian itu menjejaskan kampung Bantargadung dan Bojonggaling, melibatkan 134 isi rumah atau kira-kira 475 orang.

Bimbang akan keselamatan dan keadaan bangunan yang tidak stabil, 120 isi rumah melibatkan 407 orang telah dipindahkan ke lokasi lebih selamat.

"Sembilan lagi rumah kekal berisiko," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Selain kerosakan kediaman, beliau memaklumkan sebuah kemudahan pendidikan dan akses jalan turut rosak.

Abdul Muhari berkata pemimpin wilayah (Bupati) Sukabumi telah mengisytiharkan status respons kecemasan tujuh hari bagi bencana pergerakan bumi dari 4 Mac hingga 10 Mac bagi mempercepat usaha tindak balas dan memudahkan penyelarasan dalam kalangan agensi.

Badan Pengurusan Bencana Wilayah (BPBD) Sukabumi bersama BPBD wilayah Jawa Barat dan agensi berkaitan lain, sedang melakukan penilaian pantas dan pengumpulan data terperinci di lokasi terjejas, katanya.

Pos perintah kecemasan juga telah ditubuhkan untuk menyelaras bantuan dan perkhidmatan untuk mangsa yang dipindahkan, tambahnya.

"Pihak berkuasa dan sukarelawan kini berusaha untuk memenuhi keperluan asas penduduk yang dipindahkan, termasuk logistik untuk dapur awam, air bersih, bekalan untuk anak damit dan warga emas, serta peralatan tempat tidur.

Beliau menggesa penduduk di kawasan yang terdedah kepada pergerakan tanah untuk sentiasa berwaspada khususnya ketika hujan berterusan serta mematuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan kemalangan. - ©BERNAMA

## Arab Saudi pintas 4 dron menuju medan minyak

**ISTANBUL, 7 Mac.** - Kementerian Pertahanan Arab Saudi pada Jumaat memaklumkan pihak pertahanan udaranya telah memintas empat dron di atas gurun Rub' al Khali (Empty Quarter) yang menuju ke arah Medan Minyak Shaybah di tenggara negara itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kementerian itu memaklumkan sistem pertahanan udaranya mengesan dan memusnahkan dron berkenaan sebelum pesawat udara tanpa pemandu itu sampai ke sasaran.

Pihak kementerian juga mengesahkan tiada kerosakan dilaporkan di fasiliti minyak tersebut. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## CHINA MENANG PERLAWANAN PEMBUKAAN HOKI AIS PARALIMPIK 12 - 0

MILAN, 8 Mac. - Kedua-dua Qiu Dianpeng dan Tian Jintao menjaringkan hatrik ketika China memulakan kempen hoki aisnya di Sukan Musim Sejuk Paralimpik Milan-Cortina dengan kemenangan besar 12-0 ke atas Jerman pada hari Sabtu.

Liu Wenxu dan Wang Zhidong masing - masing menambah dua gol untuk China, pemenang pingat gangsa dari Beijing 2022, yang menghadapi sedikit rintangan dalam perjalanan mereka ke kemenangan pertama.

"Kami telah membuat banyak

peningkatan dalam tempoh empat tahun yang lalu. Kami saling mempercayai dan kami bermain lebih seperti satu pasukan," kata Qiu. "Saya fikir kami adalah pasukan yang lebih baik sekarang, dan saya sedang memikirkan keputusan yang lebih baik kali ini".

Kesemua lapan pasukan beraksi pada hari pembukaan, dengan Republik Czech menewaskan Jepun 3-2, juara bertahan Amerika Syarikat menewaskan tuan rumah Itali 14-1, dan Kanada menewaskan Slovakia 8-0. Pasukan-pasukan dibahagikan

kepada dua kumpulan dengan dua pasukan terbaik setiap kumpulan mara ke separuh akhir. - ©XINHUA

AKSI Shen Yifeng dari Republik Rakyat China pada perlawanan hoki ais Kumpulan A menentang Jerman pada Sukan Paralimpik Musim Sejuk Milan-Cortina.



## Aaron-Wooi Yik cemerlang tempah slot final All England

KUALA LUMPUR, 8 Mac. - Beregu lelaki negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik menghampiri gelaran Kejohanan All England 2026 selepas menewaskan pasangan Republik Rakyat China, Chen Bo Yang-Liu Yi dalam aksi separuh akhir pada Sabtu.

Pilihan kedua kejohanan itu mengambil masa 42 minit untuk menumpaskan lawan mereka yang juga pasangan di *ranking* ke 11 dunia dengan keputusan 21-11, 21-19 pada aksi mendebarkan di Arena Utilita Birmingham.

Aaron-Wooi Yik memperoleh kelebihan awal apabila menguasai set pertama dalam tempoh hanya 15 minit.

Pertarungan set kedua bagaimanapun

berlangsung sengit dengan suatu ketika Aaron Wooi Yik ketinggalan 15-18, namun berjaya bangkit menyamakan kedudukan 18-18 sebelum kemenangan memihak kepada pasangan nombor dua dunia itu dengan 21-19.

Menanti Aaron-Wooi Yik di pentas akhir sama ada pilihan pertama kejohanan dari Republik Korea, Kim Won Ho-Seo Seung Jae atau gandingan Republik Indonesia, Raymond Indra-Nikolaus Joaquin yang akan bertemu dalam satu lagi aksi separuh akhir.

Kali terakhir beregu lelaki Malaysia memenangi gelaran All England menerusi Koo Kien Keat-Tan Boon Heong pada edisi 2007. - ©BERNAMA

## Pearly – Thinaah kandas di separuh akhir All England 2026

KUALA LUMPUR, 8 Mac. - Beregu wanita negara Pearly Tan-M. Thinaah kecundang kepada pasangan Korea Selatan Baek Ha Na-Lee So Hee pada aksi separuh akhir Kejohanan Badminton All England 2026 pada Sabtu.

Pasangan nombor dua dunia itu tewas 17-21, 18-21 dalam perlawanan yang berlangsung selama satu jam di Arena Utilita Birmingham.

Pearly-Thinaah memulakan set pertama dengan baik apabila mendahului 2-0, namun Ha Na-So Hee yang berada di *ranking* keempat dunia bangkit memintas kedudukan untuk mendahului dengan kelebihan 11-9 selepas kira-kira 13 minit permainan.

Pearly-Thinaah bekerja keras untuk merapatkan kedudukan, namun Ha Na-So Hee berhasil menutup set pertama 21-17. Pada set kedua, Pearly-Thinaah bermula lebih agresif dengan mendahului 10-7 sebelum wakil Korea Selatan itu bangkit melengkapkan kemenangan 21-18 untuk mara ke final.

Ia merupakan kekalahan keempat Pearly-Thinaah dalam tujuh pertembungan menentang Ha Na-So Hee sejak 2022. Malaysia masih mempunyai satu lagi wakil di separuh akhir menerusi beregu lelaki Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang akan bertemu pasangan China Chen Bo Yang-Liu Yi sebentar lagi. - ©BERNAMA

## Speedy Tigers akur kehebatan Jepun, tewas 4 – 5

KUALA LUMPUR, 8 Mac. - Skuad hoki lelaki negara tewas 4-5 kepada Jepun pada aksi penentuan tempat ketiga dan keempat pada Kelayakan Piala Dunia 2026 di Ismailia, Mesir pada Sabtu.

Skuad Jepun terlebih dahulu membuka tirai jaringan menerusi Ryoma Ooka pada minit ke-15 sebelum pasukan kendalian Sarjit Singh menyamakan kedudukan menerusi Fitri Saari pada minit ke-30.

Pasukan Speedy Tigers menggandakan kedudukan menerusi gol padang Marhan Jalil dan Syed Cholan pada minit ke-30 dan 35.

Namun Jepun merapatkan jurang apabila Kazumasa Matsumoto meledak jaringan padang selang tiga minit kemudian sebelum Raiki Fujishima menyamakan kedudukan 3-3 pada minit ke-52.

Lawan terus menghukum Speedy Tigers

dengan dua lagi jaringan menerusi Koji Yamasaki pada minit ke-55 dan 57 sebelum Malaysia memperoleh gol keempat menerusi Faizal Saari, dua minit sebelum perlawanan berakhir.

Bagaimanapun, skuad negara berkemungkinan masih layak ke Piala Dunia Hoki 2026 Belanda-Belgium, apabila *ranking* dunia semasa menyaksikan Malaysia di tangga ke 15, mengatasi

Wales di tangga ke-16 dan Poland di tangga ke-20 yang beraksi dalam penentuan tempat ketiga dan keempat dalam satu lagi pusingan kelayakan.

Slot ketujuh kejohanan itu diberikan kepada pasukan yang mempunyai *ranking* dunia tertinggi antara dua pasukan yang kalah dalam perlawanan penentuan tempat ketiga di kedua-dua kelayakan. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

PERBANYAKKAN AMALAN TERUTAMA PADA 10 MALAM TERAKHIR RAMADAN